**The Prime Minister:** Kalau ada keterangan tentang mana dalam Perjanjian itu yang nampak tidak sesuai dengan keadaan negeri Sarawak boleh-lah kita kaji, tetapi tidak ada satu pun permintaan atau sebab yang di-tunjokkan yang patut di-kajikan Perjanjian itu. Jadi dengan sebab itu saya tidak berchadang hendak mangkaji *Constitution* atau Perlembagaan itu.

**Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Aada-kah Yang Amat Mulia Perdana Menteri sendiri berfikir bahawa sa-panjang kajian beliau sendiri bahawa Perjanjian itu sudah munasabah dan patut bagi kepentingan Sarawak dan Malaysia sendiri?

**The Prime Minister:** Apa yang lazim di-buat, di-dalam Perlembagaan kita pun, kalau ada satu[2] sebab yang patut di-pinda Perjanjian atau Perlembagaan itu di-bawa di-bentangkan di-dalam "Houses of Parliament" atau pun Dewan Ra'ayat ini. Jadi sementara ini tidak ada langsong kehendak[2] daripada Sarawak untok di-pinda mana[2] satu pun bab di-dalam Perjanjian itu.

**Dr Lim Chong Eu:** Sir, I am not trying to drive this issue too far. However, I am really greatly concerned with the proper establishment of good relationships within the States of Malaysia, but at the same time I think we should be interested in the furtherance of democratic process, most important of which is the permission of full expression of freedom of speech. Sir, I cannot myself contend that there is a growing opinion, but I do know that there is a body of opinion in Sarawak and it would be better, Sir, if they could be allowed to express their opinion, rather than to curb this body of opinion; and I wonder whether the Honourable the Prime Minister would agree to remove the restriction to the holding of rallies, public rallies, to only less than 25 persons and only in areas specifically confined to the headquarters of Opposition parties in Sarawak?

**The Prime Minister:** Actually this is a matter for my Honourable friend and colleague, the Minister of Home Affairs but, I think, normally when the condition of the situation in the country has improved, there will be no cause whatsoever to impose any restriction. At this moment very much depends on how the confrontation goes on in that country and how much trouble we expect from certain quarters. However, if things look brighter, there is, of course, a possibility of the whole thing being reviewed again—and, as I said, the restriction is not a matter imposed for the convenience of the Government, or to suit the whims and fancies of the Government. It was imposed for the security of the country so that everybody can live in peace and at least can sleep in peace.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang terakhir sa-kali. Ada-kah Perdana Menteri kita ini sedar atau pun sampai kapada pengetahuan-nya bahawa pendapat² yang subor hendak mengkaji sa-mula Perjanjian London berkenaan dengan Sarawak itu di-hidup²kan oleh Parti U.D.P. itu (*Ketawa*). Ada-kah Perdana Menteri kita sedar hal itu? (*Ketawa*).

**The Prime Minister:** Saya tidak berani hendak kata; ini hal U.D.P. dengan Parti Islam (*Ketawa*). Biar-lah dia orang selesaikan.

## PINDAAN DASAR RANCHANGAN PERUMAHAN

**20. Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid** bertanya kapada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah Kerajaan berchadang meminda dasar Ranchangan Perumahan yang berjalan sekarang untok memberi peluang kapada orang² yang berpendapatan kurang daripada $120.00 sa-bulan dan lebeh daripada $300.00 sa-bulan memileki rumah² yang di-bena oleh Kerajaan, dan jika ya, bila-kah dasar itu di-pinda, dan jika tidak, kenapa.

**The Minister for Local Government and Housing (Enche' Khaw Kai-Boh):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan memang-lah berhajat hendak meminda dasar yang ada sekarang ini supaya membolehkan pemohon² yang mempunyaï jumlah pendapatan sa-keluarga lebeh daripada $300.00 sa-bulan untok memileki atau menyewa rumah² murah yang di-benarkan oleh Kerajaan. Kementerian ini sedar tentang ada-nya perkara² yang tidak sa-imbang jika pendapatan itu di-hadkan kapada $300.00 tanpa menimbangkan lain² faktor saperti jumlah tanggongan bagi pemohon² yang berpendapatan lebeh dari $300.00 sa-bulan. Masaalah ini telah pun di-kaji dengan teliti-nya dan saya berharap pada 'awal tahun hadapan Kementerian ini akan dapat mengadakan satu peratoran atau sharat² yang lebeh sempurna bagi maksud itu. Hal pendapatan yang rendah tidak di-kenakan dan angka $120.00 yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu harus-lah di-tetapkan oleh Kerajaan Negeri, oleh kerana Kerajaan² Negeri itu berasa khuatir kadang² pemohon² yang berpendapatan kurang daripada $120.00 sa-bulan tidak akan mampu membayar ansoran² atau sewa² rumah itu kelak. Kementerian ini tidak ada menghadkan mengenaï pendapatan rendah ini. Kementerian ini pernah juga menerima permintaan² dari Kerajaan Negeri supaya membenarkan tempoh bayaran² itu di-lanjutkan. Tujuan-nya ia-lah supaya membolehkan pemohon² dari gulongan yang berpendapatan kechil itu memileki rumah² itu serta mampu pula membayar-nya. Biasa-nya, permintaan² saperti itu telah di-luluskan.

**Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar bahawa ra'ayat yang bergaji $120.00 itu memerlukan rumah juga yang mana mereka terpaksa juga menyewa bilek dengan tidak kurang $60.00 sa-bulan. Jadi bererti ra'ayat ini akan menanggong penderitaan yang lebeh lagi pada hal Kerajaan telah membena rumah hanya memberi sa-bilangan sahaja ra'ayat yang dapat meni'mati-nya.

**Enche' Khaw Kai-Boh:** I think this is a matter very much for the State Government to decide. I stated earlier that my Ministry has not imposed any lower limit in respect of the $120.00 and as a result of approval now already granted for lengthening the period of payment, I expect the State Government would be able to grant houses to those earning lower than $120.00 per month.

## RANCHANGAN KHAS BAGI BELIA

**21. Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid** bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, sa-lain daripada ranchangan² yang berjalan sekarang untok belia, ada-kah Kementerian Belia akan mengadakan satu ranchangan khas untok belia saperti pasokan latehan belia (Work Brigade)

yang boleh mereka ambil bahagian dalam-nya dan boleh memberikan jaminan hidup kapada mereka pada masa hadapan supaya bantuan dan pimpinan yang di-berikan untok kepentingan dan pembangunan belia tidak sia².

**The Assistant Minister of Culture, Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini akan melancharkan satu ranchangan yang di-namakan Angkatan Kebangsaan Belia Pelupor pada tahun hadapan ini di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Yang Pertama.

**Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah chadangan saperti itu sa-bagai sa-olah² hendak meniru sa-bagaimana pehak Kerajaan Singapura telah mengadakan saperti Work Brigade itu sendiri?

**Engku Muhsein bin Abdul Kadir:** Ranchangan ini ia-lah ranchangan asli Kerajaan Malaysia, dan tidak timbul soal tiru-meniru.

**Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham asli itu, jadi asli itu asli baharu-kah atau asli lama-kah?

**Engku Muhsein bin Abdul Kadir:** Asli itu erti-nya satu perkataan Melayu yang boleh di-ertikan sa-jati ia-itu keluar daripada fikiran² kita sendiri dan di-asaskan chara² yang sesuai dengan keadaan kita di-sini.

**Mr Speaker:** Masa sudah chukup.

# BILL

## THE MAJLIS AMANAH RA'AYAT BILL

### Committee

The House immediately resolved itself into a committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

*Clauses 3—6.*

**Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut):** Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sadikit atas Fasal 3 ini dan tegas-nya berkenaan dengan Fasal 3 (3). Tuan Pengerusi, saya pohon izin membacha sa-terus-nya Fasal 3 (3) ini. Tuan Pengerusi, Fasal 3 (3) ini berbunyi:

Majlis hendak-lah mengandongi—

(*a*) sa-orang Pengerusi;

(*b*) sa-orang ahli daripada Kementerian Kewangan;

(*c*) sa-orang ahli daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan;

(*d*) sa-orang ahli daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama;

(*e*) dua orang ahli daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;

(*f*) lima orang ahli yang ada pengalaman atau pengetahuan dalam perdagangan, kewangan atau perusahaan;

(*g*) empat orang ahli lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarek perhatian dan pandangan Rumah yang mulia ini ia-lah tujuan memasokkan, mithal-nya, sa-orang Ahli daripada Kementerian Kewangan ini ia-lah bagi memudahkan supaya ranchangan yang akan di-jalankan oleh Majlis Amanah Ra'ayat ini berjalan dengan lanchar dan baik-nya, maka saya yakin dan perchaya bahawa tujuan ini, atau pun chita² ini, ada-lah satu tujuan dan chita² yang baik. Apa yang saya ingin menarek perhatian dalam soal ini, saya yakin dan perchaya bahawa ada beberapa sharat dan atoran dan peratoran di-dalam soal kewangan ini yang pernah menjadi pengalaman bagi menyekat supaya tidak lanchar-nya perjalanan bagi meninggikan ekonomi bumiputera, atau pun ra'ayat di-dalam Malaysia ini. Jadi, saya harap supaya segala atoran dan peratoran yang menyekat tidak berjalan dengan lanchar-nya ranchangan itu hendak-lah di-kaji, di-pinda dan di-susun sa-mula supaya apa yang menyekat itu di-longgarkan dan apa yang longgar itu di-perketatkan supaya dapat-lah kita memerhati nanti yang Kementerian Kewangan ini akan benar² memberi kerjasama yang jujor, ikhlas bagi melancharkan ranchangan yang akan di-jalankan oleh Majlis Amanah Ra'ayat ini.

Tuan Pengerusi, sebab apa, yang saya tahu yang menjadi masaalah-nya yang besar-nya ini dalam soal melancharkan ranchangan bagi bumiputera ini ia-lah ada beberapa sharat, atoran dan peratoran yang menyekat dan inilah juga yang telah di-timbulkan oleh Kongres Bumiputera yang telah berlangsong pada bulan Jun yang dahulu sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-waktu mengemukakan Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat ini.

Tuan Pengerusi, saya juga menarek perhatian sadikit lagi berhubong dengan sa-orang ahli dari Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Ini juga saya ingin supaya di-buat kajian, atoran dan peratoran yang menyekat, atau pun yang menyusahkan bagi melancharkan perdagangan dan perusahaan dalam negeri ini. Saya menunjokkan satu chontoh yang telah menyekat pedagang² kechil, mithal-nya, yang hendak membawa dedak daripada pantai timor ka-pantai barat ini terpaksa melaluï jalan keretapi—tidak boleh di-bawa mengikut lori melaluï Kuantan. Jadi, ini satu daripada chontoh, Tuan Pengerusi, yang saya dapat tunjokkan dan ada beberapa soal lain lagi dan saya harap supaya atoran dan peratoran di-dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini di-kaji sa-mula dan di-susun supaya benar² akan memberi pertolongan kapada Majlis Amanah Ra'ayat ini yang akan melancharkan kerja²-nya yang baik, sa-rupa, atau pun kebetulan dengan chita² dan tujuan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, atau pun Majlis Amanah Ra'ayat ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menarek perhatian kapada fasal kechil 3 (*g*)—empat orang ahli lain. Masaalah empat orang ahli lain ini, saya rasa berpeluang-lah daripada pehak Majlis Amanah Ra'ayat memberikan shor, atau pun memberikan pandangan kapada Menteri yang berkuasa bagi melantek empat orang ahli lain itu supaya di-masokkan menjadi ahli sa-kurang²-nya satu orang daripada empat itu orang yang bukan daripada orang² parti Kerajaan sahaja. sebab apa, yang saya dapat tahu dan kenyataan telah menentukan, mithal-nya, di-dalam Pengarah Bank Bumiputera, saya tidak nampak bahawa orang lain sa-lain daripada orang parti Kerajaan yang telah di-masokkan dalam kerja itu. Jadi, saya harap dalam melantek orang² ini supaya sa-kurang²-nya di-masokkan sa-orang daripada orang parti lain yang akan dapat ikut serta di-dalam-nya serta sama² menjalankan Amanah Ra'ayat dan bagi melancharkan tujuan Majlis Amanah Ra'ayat ini.

Sa-kira-nya soal ini dapat di-masokkan, atau pun dapat di-lantek, saya yakin dan perchaya bahawa tujuan ini akan dapat di-tunjokkan bukan sahaja kita dapat mengadakan Minggu Perpaduan di-seluroh Malaysia ini, tetapi dapat juga kita menunjokkan di-dalam amalan kerja di-dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini ia-lah satu kerjasama dan perpaduan yang erat yang benar² untok mendukong chita² dan tujuan Amanah Ra'ayat ini, kalau tidak dapat di-tunjokkan kenyataan dan bukti-nya yang sa-benar²-nya, Tuan Pengerusi, saya yakin dan perchaya chita² dan tujuan ini akan gagal lagi sa-kali, maka sudah tentu-lah anak bumiputera negeri ini akan lumpoh dan merasa putus harapan lepas satu perbadanan demi satu perbadanan, lepas satu ranchangan demi satu ranchangan, tetapi nasib ra'ayat dan nasib bumiputera di-negeri ini maseh tidak dapat berjalan dengan lanchar-nya dan maseh tidak dapat pertimbangan yang baik daripada Kerajaan yang mengatakan hendak menjalankan chita² dan tujuan yang baik. Ini-lah pandangan yang saya suka sampaikan di-dalam Rumah yang mulia ini, Tuan Pengerusi.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya minta izin hendak berchakap sadikit sahaja.

**Mr Chairman:** Kalau sadikit boleh. Perkara ini sudah di-chakapkan kelmarin.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Perkara ini di-bawah Clause 3 (3) (*g*) berkenaan dengan empat orang ahli—yang lain ini.

Tuan Pengerusi, lahir-nya Bill berkenaan dengan MARA ini ia-lah

kerana negara kita sudah merdeka dan Menteri² kita pun sudah berubah fikiran-nya. Jadi, dengan berubah-nya . . . .

**Mr Chairman:** Itu yang saya kata mengambil masa fasal hendak cherita panjang—tepatkan kapada perkara yang hendak di-bahathkan di-atas Bill ini.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Yang itu, Tuan Pengerusi, minta ma'af. Jadi, dengan perubahan itu, kita adakan Bill ini. Kalau bagitu, dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini, kita hendak melantek empat orang ahli yang lain, hendak bekerjasama dengan orang² lain. Kalau sa-kira-nya dalam ekonomi, kita hendak mengurangkan gap, atau pun jurang antara orang² miskin dengan orang² kaya dalam melaksanakan Bill ini, patut-lah kita kurangkan gap itu di-antara parti Kerajaan dengan parti Opposition. Jadi, erti-nya, apa-lah salah-nya bagi pehak Kerajaan menentukan dalam jawatan Menteri ini menetapkan bahawa sa-orang daripada empat itu ia-lah daripada Parti Pembangkang. Saya mahu Parti PAS-lah semua sakali. Jadi, saya minta jawapan yang tegas berkenaan dengan perkara itu. Ini, Tuan Pengerusi, saya minta ma'af. Saya tidak-lah hendakkan diri saya itu di-lantek, sebab saya sedia-lah kalau ta' menang pun—walau pun ta' ada penchen. Lain-lah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ada penchen, kalau dia kalah pun dia boleh buat undang² bagi mengadakan penchen. Tetapi saya minta-lah untok demi kita hendak melaksanakan projek kita.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-dalam Rang Undang² ini ia-itu fasal kechil 3 (4). Jadi, Ahli Yang Berhormat yang berchakap sa-bentar tadi daripada Bachok dan daripada Besut, kalau dia melihat kapada fasal kechil (4), Pengerusi dan ahli² yang tersebut dalam section kechil (3) hendak-lah di-lantek oleh Menteri. Jadi kalau saya tidak salah pendengaran saya, Ahli Yang Berhormat daripada Besut tadi menyebut supaya Majlis ini melantek sa-orang daripada empat orang itu, daripada pehak pembangkang. Jadi, saya tidak mengerti bagaimana Majlis itu boleh melantek sa-orang daripada pehak pembangkang. Sedangkan kesemua-nya daripada (*a*) sampai (*g*) di-lantek oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju kalau ada-lah Menteri yang berkenaan, erti-nya Timbalan Perdana Menteri, hendak menerima fikiran orang ini. Bagi saya sendiri membangkang faham hendak melantek sa-orang daripada pehak pembangkang atau PAS dudok di-dalam Majlis Amanah Ra'ayat. Sebab, ini merupakan satu sabotage kapada gerakan kita yang benar² hendak meninggikan taraf perekonomian bumiputera. Sebab daripada sa-malam lagi dia telah menyatakan ta' perchaya bahawa Majlis Amanah Ra'ayat ini boleh menchapai matalamat—sebab dia akan mengikut jejak RIDA, kata-nya. Dari awal² lagi dia sudah mempunyaï satu fahaman yang tidak baik terhadap kemajuan yang bakal di-chapai oleh MARA. Jadi, bagaimana orang yang tidak mempunyaï fahaman dan keyakinan serta pandangan yang baik terhadap MARA ini boleh kita lantek dudok dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini yang sa-mata² akan merupakan sabotage di-dalam gerakan kita yang besar ini. Sebab dia tahu kalau MARA ini maju, dia akan surut. PAS akan surut dan kita akan mara. Jadi kalau dia masok di-situ dia akan chuba menyurutkan, bukan memarakan MARA ini tetapi mensabotagekan, menjatohkan gerakan kita. Jadi sebab itu saya membangkang.

Sebab, satu daripada-nya, Tuan Pengerusi, saya nampak di-dalam PAS sendiri, saya tengok tidak ada ahli yang berfikir yang kita boleh na' ambil untok hendak membetulkan kedudokan bumiputera. Kalau Ahli² PAS ada otak hendak membetulkan bumiputera, kenapa dia mesti menyerahkan tanah mereka kapada orang yang bukan bumiputera untok menyelesaikan tanah negeri-nya sendiri. Jadi kalau tanah-nya sendiri di-serahkan kapada orang lain, bagimana dia hendak kita ambil dudok

di-dalam MARA menyelesaikan masaalah bumiputera. Ini satu benda yang tidak dapat di-terima oleh 'akal. Chuma barangkali hadzir dalam meshuarat ini kerana ada elaun. Tetapi bagi kita, bukan masaalah elaun. Bagi kita masaalah-nya MARA mesti-lah berjalan.

Sa-bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan kita akan berjalan sachara tentera—sa-chara militeri. Tidak ada main[2] punya kerja. Siapa bersalah, kita perang. Jadi baik daripada wakil Kementerian Kewangan, baik daripada wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, kalau chuba mensabotagekan ini, maka Menteri yang berkenaan boleh dan berkuasa untok mengenepikan orang itu dan menchari orang yang bersemangat tentera untok maju terus dengan nama MARA yang ada di-dalam Rang Undang[2] ini. Jadi saya membangkang. Tuan Pengerusi, kalau sa-orang, walau ahli ekonomi yang di-buat[2] sa-kali pun, dudok di-dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini kerana saya faham mereka akan mensabotagekan ranchangan[2] yang besar ini. Kejayaan kita ada-lah kelumpohan kapada mereka, dan kelumpohan kita, kejayaan kapada mereka. Pileh salah satu. Kita mahu kita jaya dan mereka lemah dan mereka mahu kita lumpoh dan mereka jaya. Kerana itu saya bangkang kalau orang itu di-lantek dudok di-dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Untok penjelasan, sa-minit sahaja, Tuan Pengerusi. Bukan-lah maksud yang sa-macham itu—tidak, Tuan Pengerusi. Kami sa-malam tentu-lah memberi fikiran dari segi kemungkinan burok-nya. Itu-lah sahaja opposition yang ada. Kalau hendak sokong bagitu, lebeh baik dudok di-sana ta' payah lari macham Ahli Yang Berhormat dengan tidak ada mara dalam politik. Tetapi chara tegoran yang baik bagini dia menerima sa-bagai satu benda yang ta' baik—balasan-nya—pejabat dia punya orang sendiri kena katok dengan kapak.

**Enche' Osman bin Abdullah:** Adakah saya kena?

**Tuan Pengerusi:** Biarkan-lah dia berchakap.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Jadi Tuan Pengerusi, yang saya maksudkan tadi ini, kalau pehak Menteri itu memikirkan bahawa daripada Parti ini di-tetapkan patut di-pileh sa-orang daripada empat ini, itu-lah kami kemukakan. Kalau dia ta' mahu, dia ruling bagitu sahaja—bulldozer—apa boleh kami buat. Kami sembilan orang, orang ini banyak. Tetapi chara dia menunjokkan yang dia kuat marah—ahli politik itu kaki lari daripada parti . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu-lah yang dia marah tadi.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Minta ma'af balek, Tuan Pengerusi.

**Enche' Othman bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, saya lari daripada parti yang tidak mahu mara kapada parti yang mahu mara. (*Tepok*) Dan saya lari daripada parti yang menjualkan tanah-nya kapada bangsa bukan bumiputera, kapada satu parti yang hendak menghidupkan bumiputera. Saya berani kerana ini dan kerana ini juga saya kembali ka-sini.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya ta' faham pandangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Besut, di-atas fasal (3). Kata-nya benda yang longgar kita ketatkan—benda yang ketat kita longgarkan. Jadi, apa na' jadi benda ini (*Ketawa*).

**Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad:** Tuan Pengerusi, tadi sudah saya sebutkan ada sa-orang ahli daripada Kementerian Kewangan, sa-orang ahli daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang ada kait-mengait-nya dalam soal ini ia-lah atoran dan peratoran di-dalam Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan itu yang boleh menyekat dan melancharkan perjalanan perekonomian yang akan di-jalankan oleh Majlis Amanah Ra'ayat ini. Saya yakin dan perchaya soal ini tidak terkeliru lagi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Itu sudah terang—kalau itu ta' boleh di-fahamkan, saya ta' tahu-lah.

**Tun Haji Abdul Razak:** Saya faham perchakapan yang betul, Tuan Pengerusi. Ini perchakapan yang tidak terang —macham mana hendak faham? Benda yang ketat boleh kita longgar— benda yang longgar boleh kita ketat. (*Ketawa*) Tetapi hendak buat dua-dua—macham mana? (*Ketawa*).

Berkenaan dengan wakil daripada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini, memang-lah di-kehendaki wakil² daripada Kementerian² yang berkaitan. Jadi pegawai² Kerajaan, Tuan Pengerusi, semua-nya ada-lah bekerja kerana kepentingan negara, kerana hendak menjayakan ranchangan², bukan hendak menyusahkan ra'ayat atau pun hendak melambatkan perjalanan² ranchangan². Jadi saya fikir tidak ada berkaitan dengan hal ini, berkenaan perjalanan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Wakil Kementerian ini telah di-kehendaki mendudok tempat² dalam Majlis ini untok menolong memberi buah² fikiran-nya terhadap dasar perjalanan Majlis Amanah Ra'ayat ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Besut dan juga Bachok ada memberi pandangan supaya empat orang ahli dalam Majlis ini di-ambil daripada Parti² Pembangkang. Saya suka terangkan, pehak Kerajaan mengambil ahli² mendudoki perbadanan Kerajaan ialah daripada orang yang mempunyai kelayakan, yang boleh memberi fikiran yang berguna dan berfaedah. Jadi kita tidak menentukan daripada mana² Parti.

Pengarah² Bank Bumiputera yang di-katakan oleh Ahli daripada Bachok tadi, bukan daripada Ahli daripada Parti² Perikatan, kebanyakan orang-nya tidak berparti yang di-fikirkan berkelayakan boleh menjalankan Bank Bumiputera dengan lanchar-nya.

**Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu):** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan ulasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berma'ana menolak hujjah yang di-keluarkan oleh Wakil daripada Hilir Perak dan menolak langsong wakil² Pembangkang daripada dudok dalam Jawatan-kuasa?

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, perchakapan Ahli daripada Hilir Perak menentang mengambil Ahli² daripada Parti PAS. Saya berfikir pada masa ini tidak ada lagi sa-orang yang berkelayakan daripada Parti PAS yang boleh di-ambil menjadi satu daripada Ahli Majlis Amanah Ra'ayat.

Ahli Yang Berhormat daripada Besut tadi berkata, kalau tidak ada wakil dari Parti Pembangkang dudok dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini, ranchangan² akan gagal dan nasib ra'ayat akan tidak dapat di-bela.

Saya suka terangkan, Tuan Pengerusi, hanya-lah semenjak Perikatan berkuasa negeri Trengganu, ra'ayat negeri Trengganu termasok-lah ra'ayat daripada kawasan Ahli Yang Berhormat itu sendiri, telah mendapat kemajuan dan nasib-nya telah dapat di-bena. Sa-belum daripada itu tidak ada apa² ranchangan yang di-jalankan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

**Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, di-waktu saya memimpin Kerajaan PAS di-Trengganu dan pada tahun 1960 sampai tahun 1961, masa itu ada-lah masa membuat ranchangan. Ada-kah Tun, Timbalan Perdana Menteri, sa-laku Menteri Pembangunan Luar Bandar ada terima buku ranchangan yang di-sampaikan oleh Kerajaan PAS pada masa itu kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar, dan saya ada buku itu kalau mahu tengok pun, saya boleh sampaikan.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, dengan sebab itu-lah saya nasehatkan Ahli² Yang Berhormat daripada PAS, tidak usah-lah menchachi kedudokan pekerjaan orang, kalau sendiri tidak boleh hendak buat kerja.

Jadi itu-lah, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak panjangkan lagi perkara ini dan saya suka menegaskan bahawa pehak Kerajaan Perikatan sentiasa bersifat 'adil dan kita berkehendakkan perbadanan saperti MARA

yang mempunyai tugas yang penting berjalan dengan lanchar dan sempurna dengan jaya-nya, dan Kerajaan akan memileh Ahli² daripada orang yang sa-benar²-nya berkelayakan, berguna dan berfaedah kapada perbadanan ini dan kapada ra'ayat.

Question put, and agreed to.

*Clauses 3 to 6* inclusive ordered to stand part of the Bill.

*Clauses 7 to 19* inclusive ordered to stand part of the Bill.

*Clauses 20 to 27*

**Enche' Tajuddin bin Ali (Larut Utara):** Dato' Pengerusi, fasal 21, yang berbunyi:

"The Majlis may invest its trust funds in any of the investments authorised by the Trustee Ordinance, 1949 or in such manner as the Minister of Finance may approve."

Saya berpendapat perkataan² yang akhir daripada "Trustee Ordinance 1949" itu memikirkan pada muka 2. Dato' Pengerusi, ia-itu wakil daripada Menteri Kewangan memang sudah ada dalam Jawatan-kuasa ini. Jadi, saya chadangkan perkataan sa-lepas daripada "1949" ia-itu:

"or in such manner as the Minister of Finance may approve."

itu di-potongkan, sebab saya rasa perkataan itu *redundant*. Saya berchakap panjang sa-malam, Dato' Pengerusi, menyatakan, kita tidak ada masa, oleh sebab kita dari satu masa ka-satu masa dan kita banyak corner, banyak sangat paper work, banyak sangat red tape, perkara² saperti ini saya rasa tidak-lah memberi faedah banyak. Oleh sebab itu saya chadangkan supaya perkataan² itu di-potongkan.

**Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Dato' Pengerusi, saya chuma hendak membangkitkan dalam fasal 25 ia-itu perkara menubohkan perbadanan. Dapat-kah kira-nya perbadanan ini menerima satu pandangan bagi menjaga, menjalankan dan menguruskan apa² projek yang di-ranchang dan di-bantu oleh MARA ia-itu dengan menubohkan satu perbadanan, peratoran menjadikan satu kesalahan atau di-bolehkan di-ambil tindakan ka-Mahkamah ka-atas satu² kumpulan atau persaorangan yang bertujuan hendak menjalankan langkah hendak melumpoh atau menghanchorkan satu² ranchangan MARA, walau pun negara kita ini mengamalkan dasar bebas dari segi perniagaan dan perusahaan. Tetapi menurut pendapatan saya, ada lebeh mustahak bagi memberi perlindongan supaya tidak-lah Kerajaan menerima kerugian dan ra'ayat di-luar bandar tidak menerima hampa dengan ranchangan MARA ini. Kalau Kerajaan boleh memberi perlindongan dalam perusahaan dan perdagangan dengan mengadakan Rang Undang² yang di-bawa ka-dalam Dewan ini, saya fikir, pandangan saya ini, saya merayu sa-kali lagi supaya dapat di-pertimbangkan.

**Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara):** Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Clause 24. Sir, this Clause seeks power to make loans. Down here, it says—

"the Majlis may make loans, and such loans may be granted subject to such terms and conditions as the Majlis may deem fit to impose in particular cases."

Sir, following on this, I notice that the Government has stated very clearly that this Bank Bumiputera will be operating like any other bank. As such, Sir, I seek clarification from the Honourable Minister on the functioning of this Bank Bumiputera in respect of trading, charge on or mortgage of property, and also whether Bank Bumiputera has to comply with the Banking Ordinance in respect of the liquidity of debts and other banking and trading aspects.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Larut Utara terhadap fasal 21, pada fikiran saya, mustahak di-adakan perkataan²: "in such manner as the Minister of Finance may approve." sebab hanya-lah Menteri Kewangan sahaja yang mengetahui di-atas hal investment of finance. Jadi sunggoh pun ada wakil Kementerian Kewangan dalam Majlis ini, akan tetapi mustahak perkara yang sa-macham ini Majlis ini berunding dengan Menteri Kewangan. Saya tidak perchaya yang perkara ini

boleh melambatkan perjalanan sebab keputusan boleh di-beri dengan tidak mengambil masa.

Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara ada memberi pandangan berkenaan dengan fasal 25. Di-sini, Majlis ini ada kuasa menubohkan perbadanan atau corporation sa-bagaimana yang di-fikirkan oleh Majlis ini mustahak.

Jadi saya fikir ta' payah-lah hendak di-bentangkan undang² atau peratoran corporation itu sebab ini nanti akan mengambil masa dan membanyakkan pekerjaan² dan Ahli² Yang Berhormat ada berhak mendatangkan pertanyaan di-sini bila² masa yang di-kehendaki dan Ahli² Yang Berhormat ada berhak pergi melawat, menyiasat berkenaan dengan perjalanan MARA ini.

With regard to the question raised by the Honourable Member for Pulau Pinang Utara on Clause 24, there is a difference between the loan granted by MARA and also the loan granted by Bank Bumiputera. As I have explained yesterday, the Bank Bumiputera is established under the Banking Ordinance, it is an ordinary bank, it will function as an ordinary bank, and it is subject to the Banking Ordinance. Here MARA has power to grant loans and, as I have said yesterday, it is the intention that MARA will only grant loans to those people, *enterpreneurs,* whom MARA has trained and whom MARA has adopted. In other words, the functions of MARA in respect of loans will not overlap the functions of the Bank Bumiputera.

Question put, and agreed to.

*Clauses 20 to 27* inclusive ordered to stand part of the Bill.

*Clauses 28 to 37—*

**Enche' Tajudin bin Ali:** Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sadikit di-atas Clause 32—barisan 3, penghabisan, *"on conviction to imprisonment for a term not exceeding six months or to a fine not exceeding one thousand dollars or both".* Pada hemat saya sudah²-nya orang Melayu tidak dapat kejayaan dalam perniagaan dan perusahaan oleh sebab ini-lah tidak ada amanah. Jadi saya rasa Dato' Pengerusi, hukuman ini, hukuman penjara ini, tidak chukup berat hendak menakutkan orang² yang berchadang hendak membuat jahat terhadap kapada Kerajaan ini. Oleh sebab itu saya menchadangkan sa-rupa sahaja hukuman-nya di-beri kapada fasal 33 pechahan (*c*) ia-itu *"two years or to a fine of five thousand dollars or both"* di-tukar dengan *six month or to a fine not exceeding one thousand dollars.* Saya rasa ini lebeh baik lagi. Sekian.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, ini kesalahan dalam fasal 32 dengan 33 ada berlainan. Kesalahan fasal 32 ia-lah bagi pegawai² atau Ahli Majlis yang di-dapati memechahkan rahasia Majlis atau pun pekerjaan² yang berkaitan dengan Majlis. Jadi kesalahan itu tidak-lah bagitu berat saperti kesalahan dalam fasal 33, ia-itu sa-saorang yang minta pinjaman wang pada Majlis dengan membuat keterangan yang salah, yang tidak betul; jadi fasal (32) ini tidak berkait dengan orang² yang pechah amanah, yang menjalankan pekerjaan atau pun menjalankan perniagaan atau pun menggunakan wang Majlis ini. Fasal 32 hanya-lah menepati pegawai² dan juga Ahli Majlis yang memechahkan rahasia Majlis, jadi kesalahan ini tidak-lah bagitu berat, jadi tidak boleh-lah saya fikir hendak di-samakan 32 dengan 33 itu.

Question put, and agreed to.

*Clauses 28 to 37* inclusive ordered to stand part of the Bill.

*Clauses 38 to 46* inclusive ordered to stand part of the Bill.

*Schedule I—*

**Enche' Tajudin bin Ali:** Jadual I, (*b*) *"A person who has been convicted of on offence and sentenced to imprisonment"*—di-sini, *imprisonment for a term of not less than one year*—saya rasa orang² yang kena hukum masok penjara ta' usah di-champor-gaul dalam bahagian kita ini, Dato' Pengerusi, jadi saya chadangkan apabila dia masok *jail* satu hari pun, ta' usah-lah di-champor lagi; jadi perkataan² yang

penghabisan *"for a term of not less than one year"* itu di-potong sama sa-kali. Jadi ma'ana-nya orang masok jail ta' usah champor-lah walau satu hari sa-kali pun.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya fikir ta' usah keras sangat-lah hal ini, ini ma'ana *disqualified.* Jadi, sama ada orang itu hendak di-lantek atau tidak menjadi Ahli Majlis terpulang-lah kapada Kerajaan. Jadi kalau kita buat ketat sangat sa-orang yang telah kena jail, satu hari pun, kita tidak boleh jadikan dia ahli. Itu saya rasa barangkali mengikat tangan kita kuat sangat. Jadi kuasa melantek itu terpulang kapada Menteri dan Kerajaan, jadi ini kita tetapkan *disqualification,* ini ma'ana-nya orang yang kena jail lebeh dari sa-tahun itu, tidak boleh di-timbang langsong, bukan ma'ana-nya orang yang kena jail satu hari itu Kerajaan akan lantek, tidak, sharat ini hanya membolehkan sahaja.

Question put, and agreed to.

*Schedule I* ordered to stand part of the Bill.

*Schedule II* ordered to stand part of the Bill.

*Schedule III*—

**Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat):** Tuan Pengerusi, perkara satu ia-itu saya sokong atas perkara satu ini, tetapi saya hanya hendak menerangkan sadikit sahaja. Biasa-nya orang meminjam ini akan meninggalkan kerja²-nya, sama ada kechil atau besar tetapi malang-nya orang yang berniaga itu biasa-nya tidak dapat membayar kerana pelanggan² yang mengambil barang di-kedai atau pun daripada perniagaan-nya itu dengan berhutang, maka pekedai² itu atau peniaga² itu mengambil hutang daripada MARA di-kenakan chagaran dan sa-umpama-nya, tetapi pelanggan² yang membeli daripada kedai itu tidak ada pun satu chagaran yang boleh menjaga perniagaan-nya itu. Dari itu patut-lah Kerajaan menjaga juga keselamatan peniaga² supaya tidak menjadi bengkerap yang banyak-nya telah jadi kapada peniaga² Melayu. Biasa-nya peniaga² Melayu, pelanggan²-nya suka berhutang. Apabila sudah berhutang kalau di-bayar, tidak apa—tetapi tidak mahu di-bayar, dan sa-tengah daripada sa-tengah pekedai² itu bawa perkara itu ka-Mahkamah mengambil masa yang panjang hingga sa-tahun, dua tahun, belum lagi di-bicharakan, dengan belanja lagi, mengambil loyar lagi, pun tidak di-bayar juga, dan saya tahu satu pekedai di-Johor Bahru, mencheritakan sa-hingga sa-lama berniaga dalam tempoh sa-tahun dua pelanggan² yang berhutang lebeh kurang $14,000 dan tidak dapat di-minta balek. Saya takut apabila peniaga² sa-macham itu meminjam wang daripada MARA dan mereka itu dapat nasib sa-macham itu juga, saya takut wang² yang di-pinjamkan itu tidak dapat di-bayar kapada MARA, maka harta² itu di-lelong, dan saya takut juga MARA akan mendapat nasib-nya sama juga saperti RIDA dahulu.

Saya tahu, sa-masa saya melawat Australia, Kerajaan Australia mengeluarkan satu Undang², tidak boleh pekedai² di-sana memberi hutang kapada sa-siapa melainkan ada tanggong, atau pun ada tanggongan bank atau ada tanggongan daripada sa-saorang yang boleh di-perchayaï. Saya harap Kerajaan di-sini mesti-lah mengambil tahu nasib² pekedai² yang masa akan datang, terutama sa-kali orang² Melayu supaya peniaga² itu apabila di-beri hutang kapada orang² itu, mereka itu mesti membayar, dan adakan satu undang² yang ketat pada tiap² pelanggan itu yang membeli-belah dengan sa-chara hutang, mesti membayar hutang, kalau pun mengikut chara Mahkamah, hendak-lah Mahkamah memberi keutamaan (priority) supaya di-bicharakan dengan segera, tidak-lah sampai satu tahun atau kadang² lebeh, sa-hingga yang memberi hutang malas hendak membangkitkan perkara itu sa-mula. Demikian-lah dan saya berharap Kerajaan akan memberi pertolongan kapada peniaga² yang kechil.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya rasa susah sadikit-lah hendak menimbangkan perkara ini, kerana kalau kita hadkan peniaga² itu

memberi hutang, ma'ana-nya kita menahan kebebasan. Ini terpulang-lah kapada peniaga, kalau dia fikir orang itu tidak boleh membayar buat apa di-beri dia itu hutang.

Jadi, saya pun tidak faham Undang² di-Australia itu ia-itu saya fikir tentu tidak ada Undang² sa-macham saya katakan tadi menyekat kebebasan. Harus juga ada Undang² yang di-buat kapada orang yang meminjam wang kerana menjalankan perniagaan sebab dia pinjam wang daripada Kerajaan kerana hendak menjalankan perniagaan. Barangkali dalam sharat pinjaman wang itu Kerajaan menentukan yang orang itu tidak boleh memberi pinjaman wang kapada pembeli² lebeh daripada bahagian yang tertentu harus barangkali bagitu. Akan tetapi saya boleh siasat di-atas hal ini, tetapi saya kata sukar-lah sadikit kita hendak menjaga peniaga² yang sa-macham itu. Tetapi masa ka-hadapan ini menurut perjalanan MARA yang saya chadangkan, perkara ini saya harap tidak berlaku lagi ia-itu orang² yang meminjam wang daripada MARA kerana menjalankan perniagaan, MARA sendiri akan menjaga dan mustahak orang² itu menurut sharat² dan juga nasehat² daripada MARA, sa-hingga orang itu dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Jadi, saya harap perkara sa-macham ini tidak berlaku lagi kapada orang² yang meminjam wang daripada MARA untok menjalankan perniagaan.

Question put, and agreed to.

*Schedule III* ordered to stand part of the Bill.

*Schedule IV* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE PREVENTION OF CRIME (AMENDMENT) BILL

### Second Reading

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill entitled "An Act to amend the Prevention of Crime Ordinance, 1959" be now read a second time.

Section 15 of the Prevention of Crime Ordinance, 1959 empowers the Minister who may, by order, direct that any person registered under Section 12 (2) be subject to Police supervision for any period not exceeding five years and such registered persons shall be subject to certain restrictions as the Minister may decide: for example, his movements be confined to a certain mukim or district. However, there is no provision in this Ordinance that authorises the Police to escort the restrictee to the place of restriction. An instance has occurred recently whereby a restrictee, upon his release from custody, failed to turn up at his place of restriction and, when questioned as to the reason, he stated that he had not the money to do so. To prevent this, it is thought that in all cases, where Police Supervision Orders are issued, the Police must, as a matter of routine, escort the restrictee to his place of restriction. The law as it stands at present, does not allow the Police to escort a registered person to his place of restriction. In order to authorise the Police to do so, the Prevention of Crime Ordinance, 1959 has to be amended, and this Bill to amend the Prevention of Crime Ordinance, 1959, merely confers the necessary powers of escort to the Police. Sir, I beg to move.

**Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:** Mr Speaker, Sir, I beg to second the motion.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya hendak berchakap sadikit sahaja berkenaan dengan Rang Undang² The Prevention of Crime ini. Saya bersetuju-lah dengan Menteri kita yang berkenaan ini, hendak memberi kuasa atau pun hendak di-adakan satu Undang², supaya membolehkan polis escort orang² yang sudah di-tentukan untok berpindah ka-tempat² yang ditentukan itu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong ini berdasarkan pada pengalaman—saya pernah di-dalam kerja² escort dalam pasokan polis ia-itu pernah berlaku yang Kerajaan kita menghantar polis escort orang² salah.

tetapi yang sa-benar-nya kuasa escort itu tidak bertulis dalam sa-barang Undang².

Berlaku di-masa 10 tahun dahulu ia-itu sa-orang loyar, saya tidak pula hendak refer kapada loyar daripada Ipoh, mithal-nya, ia-itu orang ini sudah memberi tahu kapada pehak² orang salah itu atau pun orang² yang di-escort itu, boleh bertindak terhadap pegawai polis itu. Dan dalam satu case telah berlaku tindakan itu dan apabila di-bawa ka-Mahkamah, nyata-lah pehak polis tidak dapat memberi prosecution atau pun da'awaan tepat terhadap tindakan yang di-buat oleh orang yang di-tudoh itu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, apa-tah lagi kita mengirim orang² yang bersalah menurut Undang² ini kapada satu tempat yang jauh. Apabila kita mengirim pegawai polis kita pergi 8 batu ka-dalam hutan dan dia tidak mempunyaï kuasa escort itu, akan berlaku-lah perkara² yang tidak baik, kerana orang² yang kita kirimkan itu memang di-kenal tidak baik.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu kaitan juga dengan ini, yang selalu Menteri kita memberi jaminan dan mengaku hendak melaksanakan, ia-itu patut-lah tempat² yang di-tentukan itu—yang hendak di-kirimkan orang² yang bersalah dalam perkara ini, patut-nya di-pileh tempat² yang orang² itu dapat menyambongkan kehidupan-nya. Mithal-nya, kalau di-kirimkan ka-tempat yang orang itu tidak tahu hendak menchari kehidupan, dengan chara yang halal dan lichin, dia beraleh daripada kejahatan, sebab-nya dia di-tangkap dan di-buang daerah kapada satu kejahatan baharu yang lain pula, dan ini menambahkan lagi beban Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untok hendak mengamankan atau pun hendak mangatasi-nya.

Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada melichinkan kerja Kementerian sendiri, juga memberi satu tindakan yang berdasarkan peri kemaanusiaan kapada orang² yang tersasul daripada jalan kebenaran itu. Maka ini ada-lah satu "essence" atau pun satu pati Undang² yang bukan sahaja memberi punishment kapada orang yang salah itu, tetapi juga memberi satu directive untok mereka itu hidup dengan chara yang lebeh baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini juga, saya dalam kawasan saya, ada lima enam orang yang kena buang, saya ta' tahu-lah kena buang ka-mana, kerana orang itu jahat sangat atau pun kerana mereka itu sokong bagi saya menang, itu bukan-lah masaalah saya tetapi . . .

**Dato' Dr Ismail:** Sir, I think this is irrelevant. This is a Bill to allow the Police to escort; this is not a Bill to amend the restrictive places or a Bill to alleviate the sufferings of the restrictees. It is just a Bill to allow the Police to escort the restrictee, and I think the debate should be confined to the amendment to the Bill and not go again to the principles of restriction.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Sebab itu-lah pada mula tadi saya . . .

**Mr Speaker:** Saya terpaksa bersetuju dengan . . . .

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bersetuju dengan penoh dan saya puji pula benda ini. Tinggal lagi saya hendak kaitkan dengan ini sadikit, jikalau sa-kira-nya kita boleh . . . .

**Mr Speaker:** Itu-lah, kita hendak menjimatkan masa tolong-lah pendekkan.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi chukup—'to complete the sentence only'—bukan hendak tambah lagi. (*Ketawa*). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dapat repot² daripada orang yang di-beri chuti balek kapada kawasan ini ia-itu balek untok mereka itu menemuï saya dan mereka mengaku-lah mendapat layanan yang baik dan bagitu bagini. Jadi saya puji-lah tindakan² yang terakhir ini, walau pun mereka itu tidak payah di-eskot dan mereka balek dengan baik. Dan oleh kerana kebaikan layanan itu saya pun menjadi eskot yang tidak rasmi kapada mereka itu, tolong mengiring mereka itu balek

ka-steshen dan bagi tahu supaya jangan-lah membuat perkara[2] lagi. Jadi perkara[2] ini sudah ada kebaikan (*improvement*). Itu-lah saya minta kapada Menteri kita ini, kalau boleh menukarkan orang itu kapada satu kawasan yang mereka itu boleh men-chari makan, kalau Menteri kita puas hati di-atas perangai[2] orang itu.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh):** Mr Speaker, Sir, whilst the powers are necessary for the escorting of persons to their new destinations, two questions arise. Is there provision in the Bill, or there should be provision in the Bill, for a limited period within which a person should be escorted from one place to another? I foresee that if a limitation on the period, for which a person can be taken into custody for the purposes of escort, is not defined, then there is a possibility of abuse of those powers at certain levels. Therefore, I ask for a clarification on that point. Any assurance that departmental instructions will be given will not suffice, because departmental instructions are very often disregarded due to various circumstances, perhaps; and it is necessary that if a person, who is strictly speaking not a criminal, is to be taken into custody for the purposes of transport from one area to another, the period of deprivation of his liberty should be limited by the statute itself.

Number two; the manner of transportation, of course, is the usual manner, but I do hope that instructions will be given that unless it is absolutely necessary, no handcuffs, or other form of restrictions, should be imposed on these persons—each case of course depending on itself, on the merits of each individual case. But there would be cases of restrictees who are in fact respectable persons, because restrictees under this law come from various categories, and they are not only gangsters and thugs. There are even, perhaps, people who gamble who are sometimes restricted under this Ordinance—some of them wealthy men—but all the same they are restricted. And there have been cases, and I am sure, in those particular cases, the Honourable the Minister will agree that it would not be necessary to treat them as ordinary criminals.

I seek clarification on these two points, particularly on the first point, and I do implore that the limitation period from taking into custody for the purposes of transport and actual transportation should be specified.

**Dato' Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli daripada Bachok. Yang sa-benar-nya, sa-belum dia membuat rayuan ia-itu di-beri peluang kapada orang yang di-tahan ini supaya tempat tahanan-nya itu memberi peluang pada dia bekerja, memang-lah telah saya perbuat sa-belum pun dia merayu di-dalam rumah ini.

As regards the Honourable Member for Ipoh's observation that the period should be limited before the people are escorted, I think it is understood that a reasonable period is meant here.

Now, as to the manner of transport, that he mentioned that these people should not be handcuffed, as far as I know I do not see any point in handcuffing these people, because when they are deported to a place where they are to be restricted, they are going to be free there. So there is no point in handcuffing these people. I think the object here is to allow the Police, where these restrictees have no money to go there, to escort them to the place where they are to be restricted.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2*:

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Clause 2 ini saya minta, kalau boleh, Menteri kita yang berkenaan dapat menukar perkataan dalam barisan yang kedua di-bawah sa-kali, ia-itu

lepas daripada 'village in which he is required' kita potongkan 'is required' itu ganti dengan 'required' sahaja 'he required'. Jadi saya rasa, kalau sa-banyak itu sahaja-lah Menteri kita ini boleh pinda saya rasa, saya sudah chukup puas hati, yang lain dia tidak terima pun ta' apa-lah.

**Dato' Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju di-atas itu. Dia pileh di-mana dia suka hendak pergi, itu tidak munasabah.

Question put, and agreed to.

*Clauses 1 and 2*: ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE IMMIGRATION (AMENDMENT) (NO. 2) BILL

### Second Reading

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled, "An Act to amend the Immigration Ordinance, 1959" be now read a second time.

Sir, with the formation of Malaysia, the Immigration Ordinance, 1959, was extended to apply to the whole of Malaysia, and an additional provision was inserted in section 3 of the Ordinance to provide for the appointment of Controllers to be stationed in and to act for different parts of Malaysia. It is considered that the Controller for Malaysia should have, in addition to the powers vested in the Controllers of each component State, the further power of general supervision and direction of all matters relating to immigration in Malaysia. However, as section 3 of the Ordinance stands at present, each of the Controllers appointed in the component States has the same power as the Controller appointed for the whole of Malaysia.

The purpose of this Bill is to vest in the Controller for Malaysia the additional powers and to change the title "Controller for Malaysia" to "Controller-General of Immigration".

Sir, I beg to move.

**Dato' Haji Sardon:** Sir, I beg to second the motion.

**Enche' Ong Kee Hui:** Mr Speaker, Sir, I just want to make two observations on this Bill. My first point is, as stated by the Honourable the Minister in introducing this Bill, that it is meant to consolidate the existing laws and also to appoint a Controller-General. I would like to seek clarification and, perhaps, an assurance that, in this appointment of the Controller-General, the special powers of the State in the matter of immigration applicable to the State of Sarawak will not thereby be affected, and that the safeguards given under the London Agreement will still be obtained under this new law.

My other point is this; I wish to draw his attention to the fact that there is considerable inconvenience caused to people residing in the Fifth Division in the State of Sarawak and also those who are residing in the Fourth Division, as whenever they have to pass through Brunei, they have to conform with immigration formalities. I would like to ask the Minister whether he would open negotiations with the Brunei Government so that such formalities perhaps, could be dispensed with.

These are the two points which I wish to make and I would like to seek clarification from the Honourable the Minister on these two points.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bill ini saya minta-lah penjelasan yang lebeh lanjut daripada Menteri yang berkenaan, ia-itu maksud yang bertulis di-dalam kenyataan, mengapa Bill ini di-kemukakan, ia-lah hendak menyatukan Undang² yang sudah ada, supaya sesuai dengan *title* atau pun pangkat² yang di-beri kapada pegawai² di-dalam *Immigration* itu. Salah satu daripada-nya ia-lah *Controller-General*, sebab kalau tidak ada jawatan itu, maka pegawai² yang merupakan *Controller* itu sama pangkat-nya dengan pegawai yang tertinggi sa-kali. Jadi pegawai *Controller-General* ini-lah yang tertinggi sa-kali dan ada pula kuasa² tambahan kapada pegawai yang

tertinggi itu. Di-harap-lah Menteri kita ini memberi penerangan yang lebeh lanjut bahawa, ada-kah kuasa² tambahan itu di-beri oleh kerana kuasa yang ada sekarang ini, di-pegawai² di-dalam State itu, tidak boleh membuat pekerjaan yang di-lakukan oleh *Controller-General* itu. Kalau sa-kira-nya sa-mata² kita ubah *title* dia sahaja, tetapi kuasa-nya itu tidak ada, maka itu sa-bagai sandiwara sahaja-lah, sedangkan negeri² itu maseh juga *retain* kuasa-nya di-dalam *Immigration*. Jadi kita pergi ini sa-bagai tengok², hendak lari daripada nama rendah sahaja. Jadi ini saya minta keterangan daripada Menteri kita.

Yang kedua, saya tidak tahu sangat perkembangan yang terakhir ini berkenaan dengan *immigration,* kerana saya jarang pergi keluar negeri, peluang² keluar negeri pun ini Kerajaan Perikatan tidak beri kapada Parti Pembangkang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, macham kita hendak pergi ka-Sabah dan Sarawak, masa saya pergi hari itu maseh lagi menggunakan *passport*. Jadi saya dukachita sangat-lah dalam satu negara kita ini terpaksa hendak pergi kapada satu sudut pun kena ada *passport*-nya juga. Jikalau tidak, tidak boleh berjalan. Pada hal negeri² lain, yang pernah saya pergi, yang dahulu-nya berasingan kemudian masok menjadi satu republic, mithalnya, maka di-border-nya itu tidak payah kita pakai *passport* lagi. Kita boleh pergi bagitu sahaja, sa-lagi orang itu menjadi warga-negara kapada *new nation* itu.

**Dato' Dr Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, pantas sangat, belum sampai lagi kapada Bill Passport. Kalau dia sabar sadikit barangkali boleh sampai kapada Bill itu dan boleh-lah di-bawa perkara ini.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau sa-kira-nya ada jaminan yang sa-rupa ini boleh-lah selalu saya menyokong Menteri ini.

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I would like to assure the Honourable Mr Ong Kee Hui from Sarawak that it is not the intention and never has been the intention of this Government to go against the Agreement reached in so far as Immigration matters are concerned. As regards the inconvenience that he has voiced suffered by the people in the 5th and 4th Divisions in crossing to Brunei area, well, I will have to look into this matter as, you know, Brunei is now a foreign territory although it is a protectorate of the United Kingdom; but any arrangements that we make must be reciprocal. I will look into the matter.

Di-atas tegoran wakil daripada Bachok yang dia bertanyakan kuasa, kata dia kalau tukar nama yang tiada kuasa, tiada ma'ana. Tetapi kalau dia dengar dengan teliti dan ta' suka dengan dia sahaja berchakap, saya dalam menchadangkan Bill ini tadi sudah berkata ia-itu: "It is considered that the Controller for Malaysia should have, in addition to the power vested in the Controllers of each State, the further power of general supervision and direction of all matters relating to immigration in Malaysia". Itu-lah kuasa hendak di-beri kapada *Controller-General* ini.

Question put and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 to 3* inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE PASSPORTS BILL

### Second Reading

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to consolidate the laws relating to the possession and production of travel documents by persons entering or leaving, or travelling within, the Federation and to provide for matters connected therewith" be read a second time.

Sir, at present the States of Malaya, Sabah and Sarawak have in force separate written laws pertaining to passports. Rather than extending the Federation of Malaya Passports Act, 1960, to the other territories of Malaysia, it has been decided that it would be preferable to make a new Act for the whole of Malaysia, the reason being that the Federation of Malaya Passport Act, 1960, differs in an important respect from the passport laws at present in force in the other Malaysian territories. The difference lies in the fact that in the Sabah and Sarawak laws it is mandatory for a person leaving those States to produce his passport for endorsement within a specified time of his leaving, whereas in the Federation of Malaya law there is no such requirement.

Mr Speaker, Sir, the provisions of the new consolidating Act, which replaces the various existing laws relating to passports now in force in the component States of the Federation, are basically the same as those now contained in the laws which it replaces. However, in view of the special position of the Borneo States with regard to entry into those States, there has been incorporated into the Draft Act a provision relating to the production by persons travelling between Malaya and the Borneo States of internal travel documents issued under the immigration laws—I refer to Clause 3 of the Bill.

Sir, I beg to move.

**Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:** Sir, I beg to second the motion.

**Enche' Stephen Yong Kuet Tze (Sarawak):** Mr Speaker, Sir, it appears to us that there are two types of travel documents: one is the passport, and other one is for purposes of travel between the Borneo States and the States of Malaya, called the internal travel document under Clause 3. Sir, people like ourselves from Eastern Malaysia while coming to the States of Malaya have to go through Singapore and we would like to know whether such a document, namely the internal travel document, can be accepted by the Singapore Government, because sometimes one may have, in transit, to stay one day in Singapore; and, unless this internal travel document is recognised by the Singapore Government, the person in possession of this document may find himself in trouble.

The other point is with regard to Clause 4—the exemption Clause. We would like to know what class of persons would be likely to be exempted from having these documents, and whether persons like Members of Parliament or Government officers, who make frequent travels between these territories, would be entitled to exemption or not.

I notice that the Schedule has repealed the Sarawak Passport Ordinance and also the Passport Regulations. We have not got any Regulations here. I am wondering whether there will be some Regulations to take the place of the Sarawak Regulations which are now being repealed.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ulang apa yang saya merasa ragu tadi ia-itu dalam masaalah kita pergi dan balek dari-pada Tanah Melayu ini ka-Sabah dan Sarawak, boleh jadi kita akan dapat kemudahan dengan tidak payah memakai passport, tetapi kita terpaksa juga kena memakai travel documents atau benda² yang sa-umpama itu. Kalau itu berlaku, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana-kah penyelesaian yang Menteri kita boleh memberi tahu Dewan ini, tentang transit kita di-Singapura, sebab kita melaluï Singapura itu tidak boleh di-pakai transit kalau kita tidak ada passport yang sa-benar, kechuali-lah kalau sa-kira-nya ada satu² arrangement yang lalu lintas itu sa-mata² melaluï betul. Tetapi ada juga Ahli² dari Sabah dan Sarawak yang transit-nya bukan sa-hari dua, boleh jadi dua tiga hari berhenti di-Singapura, kerana barangkali ada hal² hendak berchakap dengan P.A.P. Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hairan bagaimana arrangement Malaysia ini dengan Singapura, sa-buah negeri yang sudah independent boleh menggunakan documents yang

sa-macham ini sahaja, kalau sa-baleknya yang saya katakan itu, maka itu terpulang kapada Menteri menerangkan. Yang saya minta tadi, bukan sahaja Member of Parliament atau orang² yang tentu, tetapi seluroh warga-negara bagi Malaysia ini tidak payah lagi pakai paspot atau pun sa-barang documents di-dalam negara dia sendiri. Itu yang saya minta. Saya tidak tahu ada-kah ini boleh terta'alok kapada Undang² ini, tetapi itu-lah patut-nya kita lakukan, sebab bukan sahaja Member of Parliament atau pun businessmen atau orang² yang tertentu sahaja yang hendak melawat dari satu tempat ka-satu tempat, ada orang² yang biasa pun hendak melawat dari satu tempat ka-satu tempat, tetapi tidak dapat kemudahan itu. Jadi, boleh-kah dengan Bill ini sa-sudah di-luluskan, dapat memberi kemudahan² yang sa-macham itu?

**Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong penoh Rang Undang² Paspot ini, terutama sa-kali ini ada-lah suatu penyelenggaraan yang baik bagi urusan paspot yang meliputi keseluruhan Malaysia. Rang Undang² ini dengan sendiri-nya telah menghapuskan suatu keadaan yang sangat agak ganjil ia-itu sa-saorang dalam Malaysia sendiri hendak pergi ka-Malaysia Timor terpaksa menggunakan paspot, tetapi dengan Rang Undang² ini, perkara ini, sudah di-hapuskan di-gantikan dengan suatu Internal Travel Documents yang tidak boleh di-elakkan di-bawah persetujuan penubohan Malaysia tempoh hari. Jadi dengan itu maka ini suatu langkah ka-hadapan dalam kita menchapai suatu kedudokan yang lebeh rapat dan mesra antara kedua pehak Malaysia Barat dengan Malaysia Timor.

Hanya suatu perkara yang saya suka mengambil kesempatan di-sini, ia-itu menyatakan suatu rayuan—kalau boleh—ia-itu barangkali motive di-belakang kehendak daripada negeri² di-Malaysia Timor, Sarawak dan Sabah, mempunyaï kuasa² khas mengenaï imigereshen ini, barangkali-lah kerana kebimbangan² daripada melimpah-nya buroh² dari Singapura. Tetapi dengan Singapura telah terkeluar daripada Malaysia sekarang ini, maka tidak-lah lagi akan tiba masa-nya—kalau tidak sekarang pun dalam masa yang tidak berapa lama lagi bagi negeri² kawasan Malaysia Timor itu, Sabah dan Sarawak, mengulang kaji sa-mula tentang kedudokan kuasa² istimewa dalam imigereshen yang ada di-Sabah dan Sarawak supaya perkara itu dapat di-chari suatu chara penyusunan baharu yang kita tidak akan merasa sukar bagi kita di-Malaysia Barat hendak pergi ka-Malaysia Timor.

**Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, sadikit sahaja—sa-tengah minit. Saya hendak bertanya sahaja kapada Yang Berhormat Menteri ini, sampai bila kita hendak menggunakan travel documents bagi orang yang hendak masok ka-negeri Borneo itu atau pun Malaysia Timor, walau pun benda itu ada terkandong dalam perjanjian, ia-lah sama ada berkaitan dengan undang² ini atau perjanjian itu, kita hendak tahu jaminan sampai bila peratoran saperti ini hendak di-gunakan pada hal kita sudah jadi satu negeri.

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I would like, first of all, to reply to the Honourable Enche' Stephen Yong. He questions whether this internal travel document under Clause 3 will be accepted in Singapore. As far as I know, as the law stands at the moment, the present law prevails in Singapore until it is amended; and when it is amended then we will have to take the question raised by the Honourable Member into consideration. But at the moment the present law prevails in Singapore and so it is accepted in Singapore.

The Honourable Member also wanted to know the classes of people who would be exempted under Clause 4. Well, Sir, this will have to be in accordance with the agreement reached with Sabah and Sarawak—that is under the Inter-Government Committee Agreement reached between the Central Government and the States. If there are any other categories of people to be included in the exemption, this

will have to be with the approval of the State Governments concerned.

The Honourable Mr Stephen Yong also asked whether it is the intention of the Government to make regulations. I think it is the intention to make regulations.

Soal Ahli daripada Bachok ia-itu kenapa di-adakan travel documents, passport, wal-hal kita ada-lah semua di-bawah satu negeri. Di-sini saya bersetuju dengan dia, tetapi bagaimana perjanjian kita telah perbuat itu ia-lah kehendak orang2 Sabah dan Sarawak, dan sa-lagi mereka itu berkehendakkan sharat2 ini sa-lagi itu-lah mesti berjalan. Kita tidak boleh mungkir janji dengan perjanjian yang telah di-perbuat, tetapi kita harap pada satu masa nanti mereka akan bersetuju ia-itu, ini tidak sesuai dengan negeri2 yang dudok dalam satu Persekutuan. Ini-lah juga jawapan saya kapada Ahli2 Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Berkenaan dengan tegoran Ahli dari Kuala Trengganu Utara, saya hendak beri penjelasan supaya jangan pula dia salah faham ia-itu mengikut Bill ini documents dan passport terpaksa digunakan juga, chuma di-sini mengikut Clause 4 ia-itu ada kuasa bagi Menteri membuat perkechualian (*exemption*). Jadi itu saya suka hendak menerangkan kapada dia. Dia juga bertanya bila masa-nya kita hendak hapuskan sharat2 ini, kerana kita dudok dalam sa-buah negeri. Itu pun saya telah jawab sa-bagaimana saya telah jawab kapada Ahli dari Bachok dan Pasir Puteh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time.

**Mr Speaker:** Persidangan ini di-tempohkan sa-hingga pukul 4.00 petang ini.

*Sitting suspended at 12.05 p.m.*

*Sitting resumed at 4.00 p.m.*

(Mr Speaker *in the Chair*)

### Committee and Third Reading

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 to 15* inclusive ordered to stand part of the Bill.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

## THE DIVORCE (AMENDMENT) BILL

### Second Reading

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled, "an Act to amend the Divorce Ordinance, 1952, of the States of Malaya" be now read a second time.

The Federation of Malaya Divorce Ordinance No. 74/52 was enacted at the time when Malaya was under the British rule. Section 5 of the Ordinance conferred jurisdiction on the Malayan High Court to dissolve marriage of persons who are domiciled in the United Kingdom. So long as the Federation of Malaya was under the colonial rule, this provision is completely satisfactory. But, once the Federation of Malaya became independent in 1957, and now forms part of the Malaysian Federation, the provision of Section 5 of the Divorce Ordinance is no longer compatible with the international practice. It has always been the international practice for the High Court of any independent and sovereign state to exercise jurisdiction over matrimonial and divorce practices only in cases where parties are domiciled in the country of that High Court. Thus the object of this Bill is to make our divorce laws to conform with international practice. Sir, I beg to move.

**Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

## THE PENAL CODE (AMENDMENT) (No. 2) BILL, 1965

### Second Reading

**Dato' Dr Ismail:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to further amend the Penal Code", be now read a second time.

Sir, a minor error, which has existed unnoticed for 17 years, has been discovered in the Penal Code. Sir, reference in that section to sections 347 and 348 of the Criminal Procedure Code is a reference to those sections of the Criminal Procedure Code of the former Federated Malay States.

As Honourable Members are aware, there are two Criminal Procedure Codes in force in the States of Malaya —the former Federated Malay States Codes in the nine States and the former Straits Settlements Codes in the States of Penang and Malacca.

The reference in the Penal Code to the two sections of the Federated Malay States Code was, therefore, to have been appended to include a reference to the corresponding sections 373 and 374 of the Straits Settlements Code, and the Penal Code was extended throughout the Federation in December, 1948.

The purpose of the provision in question is that where, in answer to a criminal charge, the defence of intoxication is established the law treats the accused as if he were a person of unsound mind.

Sir, I beg to move.

**Dato' Haji Sardon:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

## THE DEVELOPMENT FUND (AMENDMENT) BILL, 1965

### Second Reading

**Dr Ng Kam Poh:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Development Fund Ordinance, 1958" be now read a second time.

As Honourable Members are aware, the Development Fund Ordinance, 1958, provides, *inter alia,* that the moneys in the Development Fund should be applied only for the purposes, or any one or more thereof, specified in the First Schedule to the Ordinance. As the First Schedule stands at present, such moneys cannot be used to provide capital for a commercial undertaking in which Government may wish to acquire an interest. In this connection, Honourable Members will be aware that it has been publicly announced by the Government previously that it would initiate action to establish a bank to be known as Bank Bumiputera along the lines of the resolution of the Kongres Ekonomi Bumiputera Malaysia and that the initial capital outlay of $5 million for this Bank would be provided by Government. Such an outlay will be regarded as Government's equity investment in the authorised capital of the Bank.

It should be mentioned at this stage that the Bank has already been registered as a company known as Bank Bumiputera Malaysia Limited, and it will operate as a commercial bank to be licensed as such under the Banking Ordinance, 1958. The Managing Director and members of the Board of Directors have already been appointed.

In order that the Government may be able to implement its policy decision to invest $5 million in Bank Bumiputera, it is necessary that the First Schedule to the Development Fund Ordinance be amended by inserting immediately after paragraph 6 thereof a provision to the effect that the Development Fund may be used for the payment of any sum subscribed by the Government as equity investment in the authorised capital of Bank Bumiputera licensed under the Banking Ordinance, 1958.

Sir, I beg to move.

**Enche' Lee Siok Yew:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 and 2* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

## THE CUSTOMS (MALAYSIAN COMMON TARIFFS) BILL

### Second Reading

**Dr Ng Kam Poh:** Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to create Common Tariffs for Malaysia and to provide for matters incidental thereto", be read a second time.

As Honourable Members are aware, there are five different customs regions in Malaysia at present; namely, the Principal Customs areas of the States of Malaya, Sabah, Sarawak, Penang and Labuan. The last two are adjuncts to their relative Principal Customs areas and are free port areas. So long as these customs regions remain separate, as they are at present, the free movement of goods, even of those manufactured within Malaysia is not possible except under authority of an exemption order under the relevant Customs legislation in force. It will be remembered, in this context, that each of the components of Malaysia still retains its own Customs legislation pending the enactment of a unified Customs Ordinance to cover the whole of Malaysia. In these circumstances, it will be evident that it is not possible to impose, for instance, a common level of protective duty to cover all parts of Malaysia in the interest of Malaysian manufactures and industries, where such protection is required unless the various Customs laws are invoked. This, in effect, means the issue of Customs Orders under the Malaysian Customs Ordinance, 1952, the Sabah Customs Ordinance, and the Sarawak Customs Ordinance, should it be directed to subject a particular commodity in Malaysia to a uniform level of tariff. This procedure involves unnecessary paper work and can lead to confusion, as the business community will have to refer to multiple Customs Orders under the respective laws in force to determine the level of common tariff in the various components of Malaysia. In the light of the increasing tempo of industrial development in this country, and the growing consciousness that home-produced goods should be bought in preference to the imported article, it is clearly necessary that, where such domestic products are protected by tariffs, they should be able to move from one part of the country to the other with the minimum of administrative delay.

In these circumstances, the Customs (Malaysian Common Tariffs) Bill has been drawn up to proivde the Minister of Finance with statutory powers to levy common tariffs in Malaysia on goods imported into Malaysia. The Bill also provides for the revocation of duties levied under the Customs laws in force in the States of Malaya, Sabah, and Sarawak, when such goods become subject to a common tariff. Imported goods will thus be subject either to common tariffs after which no further duties will be imposed on them, when they are moved from one part of Malaysia to another, or if no

common tariffs have been imposed on such goods they will then be subject to whatever tariffs as may have been levied under the separate Customs laws in the three components of Malaysia.

Perhaps, the most forward looking feature in this Bill is the provision relating to the present free port areas of Penang and Labuan. Hitherto the Minister of Finance could not levy duty on any goods entering Penang and Labuan without effecting an amendment to the appropriate Customs legislation. This is obviously highly unsatisfactory as an amendment Bill takes time to be passed and it is sometimes necessary to impose duties without any delay, and without any advance publicity, for revenue, protective, or anti-smuggling purposes. The Bill before this House would render this outdated procedure unnecessary as the Minister of Finance would then be empowered to extend to Penang and Labuan any common tariffs that may be applicable to the rest of Malaysia.

Honourable Members may recall that a substantial range of domestic products were accorded additional protection with effect from 9th October, 1965, and a majority of these were allowed free movement within Malaysia. It has not been possible, however, to accord this treatment to industries in Penang and Labuan, because of their free port status and this special position in the respective Customs laws of the States of Malaya, and Sabah. Industries in Penang, therefore, may find that they have to compete in the Malaysian market on the same terms as foreign manufacture, while at the same time they will not be able to benefit from the protection accorded to similar industries in the rest of Malaysia. This is, of course one of the disadvantages of siting industries in a free port area.

A situation may arise where it is necessary for tariffs to be imposed in Penang and Labuan despite their present free port status, and Honourable Members will note that Clause 2 (2) of the Bill will empower the Minister of Finance to extend common tariffs to Penang and Labuan. I would like to assure Honourable Members, however, particularly those from Penang that before any such extension of tariffs takes place, there will be consultation between the Central and State Governments concerned.

I would like to mention again at this juncture that this Bill may be only a temporary measure, as the ultimate objective of the Government is to frame a unified Customs Act for all the components of Malaysia. The first step in such an exercise would be the harmonisation of as many tariff items as is possible at this juncture, having due regard to the differing needs of the several components of this country. Until the overwhelming majority of the duties are harmonised, it is still a little early in the day to have such unified legislation and this Bill should, therefore, serve the immediate purpose for which it is framed.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Question put and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

*Clauses 1 to 7* inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

## THE DEVELOPMENT (SUPPLEMENTARY) (No. 2) ESTIMATES, 1965

### COMMITTEE

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

The Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965 considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

**Head 115—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Head 115 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965, be approved.

**The Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister (Enche' Chen Wing Sum):** Mr Chairman, Sir, I beg to move, if I may, that a token vote of $10 under Sub-Head 86 of Head 115 as supplement in the Development Estimates for the Ministry of Defence for 1965 be approved. As Honourable Members are well aware, an amount of $600,000 has been allocated under this Sub-Head for works that have been carried out last year and also to commence works on the erection of quarters for officers and soldiers stationed at the Ministry Headquarters, Port Dickson. The provision now asked for is only a token sum. The actual supplement required amounts to $700,000 and the work in connection with this programme will be carried over until next year. The provision required for this year will be obtained by means of virement to be approved by the Treasury. This additional expenditure is intended to provide for more quarters for the recruits and serving soldiers at the Port Dickson Training Centre. Part of this supplementary provision is required for the purpose of installing a new 15-inch water main to overcome the problem of water shortage now being experienced by the Ministry Headquarters at Port Dickson and the National Service Training Centre at Seginting.

Sir, I beg to move.

Question put, and agreed to.

The sum of $10 for Head 115 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Head 119—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Head 119 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965 be approved.

**Dr Ng Kam Poh:** Mr Chairman. Sir, I beg to move that the sum of $5 million shown under Head 119, Treasury (Malaya) be approved.

Honourable Members are aware that it has been publicly announced by Government previously that it would initiate action to establish a Bank to be known as Bank Bumiputera (Malaysia) along the lines of the resolution of Kongres Ekonomi Bumiputera and that the initial capital outlay of $5 million for this Bank will be provided for by the Government. The Bank has now been registered as a company and will operate as a commercial bank under the Banking Ordinance, 1958. To meet the payment of the initial capital outlay of the Bank, a sum of $5 million is now sought as Government's equity investment in the Bank.

Honourable Members will recall that for this purpose the House has just passed the Development Fund (Amendment) Bill, 1965 which authorises the payment of $5 million to the Bank Bumiputera (Malaysia) Ltd.

Sir, I beg to move.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kaseh kapada pehak Kerajaan yang telah bermurah hati mahu mengeluarkan wang sa-banyak 5 million untok penubohan Bank Bumiputera sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Kepala 119 ini. Tetapi Tuan Pengerusi, dalam penerangan ketika Pemangku Menteri Kewangan mengemukakan baharu[2] ini tidak di-sebutkan, atau pun saya kurang faham agak-nya, apa yang di-sebutkan-nya ia-itu tidak di-sebutkan ada-kah wang yang kita terbitkan ini sa-bagai pinjaman daripada bank itu atau sa-bagai hadiah atau sa-bagai *grant* atau sa-bagai Kerajaan ini masok sher bersama di-situ memberi duit 5 *million* ini, besok[2] dia tarek balek duit wang 5 *million* itu dan masokkan kapada *fund* negara kita.

Jadi ini Tuan Pengerusi, saya perchaya-lah pehak Kerajaan akan dapat memberi penerangan ia-itu kalau-lah wang 5 *million* ini di-beri sa-bagai pinjaman, sudah tentu-lah bank ini akan terok hendak membayarnya sebab Bank Bumiputera yang akan di-kelolakan oleh satu puak, yang kita

perchaya belum pernah lagi menjalankan urusan² banking, sudah tentu-lah mereka itu tidak dapat hendak menunaikan balek hutang itu, tambah² pula banyak sangat *interest* yang akan dia kena bayar. Kalau sa-kira-nya wang 5 *million* ini sa-bagai *grant,* sa-bagai hadiah, saya pun was² juga perkara itu boleh berlaku bagitu, apa yang terbayang di-hadapan saya ia-lah ini akan menjadi sa-bagai satu saham Kerajaan dalam bank itu.

Tuan Pengerusi, kalau-lah ini sa-bagai satu saham Kerajaan, sher Kerajaan dalam bank itu pun nampaknya Kerajaan kita sudah-lah mula hendak berniaga mendapat untong dengan satu pehak yang tidak tahu lagi menjalankan kerja. Kalau Kerajaan hendak buat perniagaan, hendak tumpang berniaga yang sa-macham ini, banyak Menteri² kita di-dalam Kabinet kita yang sudah pandai buat berniaga, yang sudah ada *Company²* besar, pakat sahaja dengan Menteri² itu dapat banyak keuntongan kita. Buka sahaja peluang² kapada Menteri² Muda boleh membuat *business* bersama tidak sabagai sekarang ini di-tutup.

Jadi, Tuan Pengerusi, amat-lah mendukachitakan kalau sa-kira-nya wang ini menjadi saham atau yang akan di-ta'rifkan sa-bagai saham kapada Bank Bumiputera ini. Kerana, Tuan Pengerusi, saya katakan bagitu ia-lah apabila Bank Bumiputera ini tidak dapat hendak menjalankan tugas²-nya sa-bagaimana yang diharapkan, burok-nya akan timbul ia-lah bahawa orang² Bumiputera itu tidak layak hendak menjalankan urusan² yang merupakan urusan banking walau pun capital-nya itu di-beri oleh Kerajaan. Pada hal tidak ada satu kerja yang dapat melibatkan wang negara kita boleh di-buat atas nama satu² pehak atau pun atas nama satu² puak dalam negara kita ini. Erti-nya tidak ada hak Kerajaan Perikatan hendak menentukan satu² projek atau pun satu² kerja kapada orang Melayu-kah, kapada orang China-kah, kapada orang India-kah, tetapi apabila di-tetapkan Bank Bumiputera pada hakikat-nya tidak bagitu dan kechewa-lah benda ini. Maka apa yang di-ketahuï dalam negara kita ia-lah pehak Bumiputera tidak layak. Tetapi kalau perkara ini berjaya, maka keuntongan-nya itu yang sabenar-nya bukan untok bumiputera kerana Bank Bumiputera ini not meant solely for the Malays or for the natives. Jadi ini, Tuan Pengerusi, cherdek-nya Menteri² Perikatan yang kami kalah di-sini, cherdek satu² benda mengemukakan kalimah² yang boleh menarek hati orang tetapi kerja di-dalam-nya itu dia tarek ka-lain, jadi selalu-lah dia dapat atasi fikiran² ra'ayat.

Tuan Pengerusi, Bank Bumiputera ini memang mendapat sambutan betul; saya tahu-lah kalau di-tempat saya bila sebut Bank Bumiputera ini sa-olah² saya ini wakil Kerajaan Perikatan pula di-Bachok, tiap² hari orang datang bertanya pada saya. Jadi, saya ingat kalau ada Kerajaan tambah elaun Member² Parlimen patut juga saya menggantikan Kabinet Perikatan ini. Tetapi dalam sa-hari dua ini, kalau tidak salah saya, sa-malam baharu-lah saya tahu bahawa yang sa-benar-nya tidak ada-lah sa-barang kerja yang di-buat atas nama bumiputera. Jadi ini-lah perkara² yang saya hendak dengar jaminan daripada pehak Kementerian pemberian yang merupakan $5 million ada-kah sa-bagai grant atau sa-bagai jaminan atau ada-kah dia sa-bagai wang yang di-dahulukan tetapi merupakan saham bagi pehak Kerajaan, sekian Tuan Pengerusi.

**Enche' Mohamed Yusof b. Mahmud (Temerloh):** Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian sadikit di-dalam Head 119 ini. Yang pertama, saya berasa besar hati kerana dapat Kerajaan menunaikan janji-nya kapada satu keputusan Kongres Bumiputera dahulu. Jadi tidak timbul-lah perkara² tujuan daripada keputusan Kongres Bumiputera itu yang besar ma'ana-nya kapada orang Melayu dan juga anak warga-negara negeri ini untok mengambil bahagian chergas dalam segala segi perdagangan dan perusahaan. Jadi, keputusan itu, saya rasa, umumnya mengetahuï dan tidak-lah timbul sa-bagaimana kata wakil yang baharu berchakap tadi ia-itu tujuan² tegas

Kerajaan itu lain daripada tujuan yang asal yang telah di-timbulkan daripada hasil daripada Kongres Bumiputera itu.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya tidak mengatakan bahawa benda ini tidak dapat merupakan satu benda yang menolong kapada orang Malaya atau bumiputera. Apa yang saya sebut, bahawa pehak bumiputera yang sa-benar, walau pun dia dapat duit, bukan untok bumiputera sa-mata². Kerana dalam Perlembagaan, kita tahu tidak boleh di-buat perbelanjaan atau pun law yang sa-mata² untok menjaga satu² keturunan dalam negara kita ini. Jadi ini saya maksudkan, bukan peluang itu tidak dapat.

**Enche' Mohamed Yusof b. Mahmud:** Tuan Pengerusi, kalau kita putar belitkan tiap² ayat itu mengikut-lah kemahuan masing². Tetapi pada pandangan saya tegas. Perkataan bumiputera telah di-ta'rifkan dalam keputusan Kongres juga, tidak-lah lagi berchampor-adok dengan lain² yang di-maksudkan daripada Melayu, Sakai, Kadazan dan sa-bagai-nya.

Lagi, Tuan Pengerusi, dalam keputusan itu, Kerajaan telah tegas memberi sokongan ia-itu membantu Bank Bumiputera ini untok di-dirikan dengan serta-merta. Jikalau-lah tidak ada dengan bantuan Kerajaan sabanyak $5 million ini, maka Bank Bumiputera itu akan mengambil masa yang panjang untok di-tubohkan dan di-jalankan, kerana mengikut Undang², tiap² satu sharikat bank hendak berjalan, hendak-lah ada modal yang tertentu yang mesti di-kutip dahulu. Tetapi dengan pertolongan Kerajaan pada masa ini Bank Bumiputera boleh berjalan dalam masa yang sa-singkat²-nya. Faedah-nya daripada Bank Bumiputera ini sangat-lah besar kapada bumiputera. Dan dalam keputusan Kongres dahulu Bank Bumiputera khas di-mileki oleh bumiputera sahaja. Tetapi dalam keputusan menjalankan perniagaan-nya tidak terhad kapada bumiputera, ini sa-bagai satu sharikat yang mahu menjalankan perusahaan yang besar tidak terhad kapada bumiputera sahaja.

Jadi, saya rasa wang $5 million ini satu jaminan yang pertama-nya Kerajaan akan mengambil berat dalam hal perniagaan Bank Bumiputera ini supaya dapat berjalan dengan betul dan baik.

Yang kedua, saya juga memberi pandangan pada Kerajaan dalam pengambilan segala pegawai² yang akan menjalankan sharikat bank ini jangan-lah kita berasa kita hendak menjimatkan perbelanjaan dengan mengambil orang² yang bukan pakar dalam perniagaan Bank Bumiputera. Sebab kita bumiputera telah ada pengalaman yang besar pada masa yang lampau ia-itu Malay National Bank di-mana oleh sebab perkara² yang tertentu yang menjadikan bank itu di-tutup. Jadi, dengan ada-nya pengalaman² yang sudah² saya perchaya Bank Bumiputera ini dengan di-bantu oleh Kerajaan dapat berjalan dengan elok dan baik. Jadi ini-lah satu harapan yang besar kapada bumiputera, pertama sa-kali kapada bumiputera yang mahu mengambil bahagian yang besar dalam segi perusahaan dan perdagangan. Sunggoh pun wang bukan satu²-nya modal yang di-wajibkan untok menjalankan perdagangan dan perusahaan, tetapi besar ma'ana-nya dengan ada bank sa-macham ini boleh memberi pertolongan kapada bumiputera.

Pada masa yang lampau, Tuan Pengerusi, bank² yang ada di-tanah ayer kita ini ada juga memberi pertolongan kapada bumiputera, tetapi ada had-nya terutama sa-kali chagaran² daripada harta² yang di-mileki tetapi hak² istimewa orang Melayu tidak dapat di-gunakan atau di-terima oleh bank² yang lain.

Jadi dengan ada Bank Bumiputera dan ada-nya pertolongan ini, rasa saya, ini-lah satu peluang yang besar kapada bumiputera mengambil bahagian dalam perusahaan perdagangan.

Dan lagi Tuan Pengerusi, saya berharap Bank Bumiputera ini, yang di-anjorkan modal-nya 25% daripada Kerajaan, dapat mengadakan cha-

wangan dalam tiap² negeri dalam tanah ayer ini ia-itu 13 buah negeri yang mengandongi Malaysia ini, dapat di-adakan dia punya chawangan²-nya supaya boleh menjalankan perniagaan-nya dan saya perchaya-lah dengan chara itu sahaja tujuan asas boleh berjaya. Bagaimana pehak Kerajaan memberi wang $5 million ini, ada-kah dengan pinjaman-kah atau pun grants-kah, itu, rasa saya, terpulang-lah kapada keadaan pada masa ka-hadapan. Jadi pada masa ini kita mementingkan wang yang $5 million itu dan saya mendapat tahu juga ia-itu Bank ini telah di-lancharkan modal-nya sa-banyak $20 million dan saya berharap saham² yang akan di-keluar-kan nanti, beri-lah peluang yang banyak kapada anak² bumiputera di-negeri ini, tidak terhad kapada bumiputera yang kaya², yang senang² sahaja, yang menjadi monopoly dalam Bank ini.

Jadi saya harap, yang pertama, peluang² di-beri kapada Sharikat² Bumiputera yang banyak dalam tanah ayer kita memileki saham² dalam Bank ini. Sa-lain daripada itu kita hadkan bagi sementara ia-itu saham ini boleh di-mileki dengan sederhana sahaja kapada tiap² bumiputera supaya tiap² bumiputera tanah ayer ini dapat peluang mengambil bahagian chergas dalam Bank ini. Dengan itu saya sa-kali lagi bagi pehak pedagang, bumiputera—boleh di-katakan saya juga mewakili banyak pedagang² bumiputera dalam negeri saya—meng-uchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Kerajaan dan usaha-nya yang besar ini dan niat besar ini untok memberi peluang kapada bumiputera maju dalam segi perusahaan dan perdagangan.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir):** Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sadikit di-bawah Kepala 119 ini ia-itu Bank Bumiputera.

Tuan Pengerusi, mengikut kete-rangan yang telah di-beri oleh Yang Teramat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tengah hari tadi, bahawa Bank Bumiputera ini bukan-lah sahaja untok memberi hutang kapada bumiputera sahaja bahkan peluang² berhutang pun akan di-buka kapada lain daripada bumiputera, bahkan Timbalan Perdana Menteri ada sebut bahawa dua orang daripada Director bagi Bank ini terdiri daripada orang yang bukan daripada bumiputera. Tetapi nama Bank Bumi-putera, kalau sa-kira-nya pekerjaan-nya bukan-lah untok kapada bumiputera sahaja, maka nama Bumiputera itu, sa-bagaimana yang saya sebutkan kelmarin, ia-lah nama yang misleading, lebeh baik bagi pehak Kerajaan menggantikan nama Bumiputera itu dengan Bank Ra'ayat kerana Bank ini akan membuka peluang² berhutang dan lain² lagi, bukan sahaja kapada bumiputera bahkan kapada sakalian pendudok.

**Mr Chairman:** Saya hendak meng-ingatkan kapada Ahli Yang Berhormat, perkara itu tidak lagi hendak di-bahathkan. Atas tukar nama atau apa itu, ini atas estimate ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, apabila kita memba-hath sa-suatu estimate, mesti-lah kita bahath dengan chukup keterangan yang jelas. Kalau sa-kira-nya tidak kita kemukakan keterangan yang jelas maka perbahathan itu tidak akan berguna.

**Dr Lim Swee Aun:** On a point of order, Sir, that should have been raised during the debate on the second reading, the main motion, but not at the committee stage.

**Mr Chairman:** Saya sudah chakap-kan tadi, tolong-lah ambil arahan saya di-atas nama² itu, tinggalkan di-atas estimate dan guna-nya apa hendak di-untokkan, itu sahaja-lah.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, sekarang suka-lah saya hendak bertanya kapada Kemen-terian yang berkenaan, ada-kah Bank ini membuka pintu untok memberi peluang berhutang chuma kapada bumiputera atau pun kapada seluroh ra'ayat jelata dalam tanah ayer ini? Saya harap mendapat jawapan dari-pada Menteri yang berkenaan.

**Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Pengerusi, dalam mengalu²kan penubohan Bank

Bumiputera, saya bershukor kapada Tuhan kerana wakil ra'ayat dari PAS menyokong tertuboh-nya Bank Bumiputera ini. Tuan Pengerusi, selalu-nya orang² PAS ini, kalau ada-lah hal² bunga, faedah dia ta' menyokong. Tetapi hari ini terang dan nyata-lah ulama' PAS telah bersetuju Bank ditubohkan, sudah halal pula! (*Ketawa*).

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, tadi waktu saya sebutkan hal ini tidak-lah saya pandang dari segi haram halal-nya. Sa-benar-nya membuat Bank ini dengan tidak payah interest pun boleh buat dan ini boleh-lah tengok apabila kita memerentah besok. Ini kami ta' memerentah lagi. Macham mana Tuan Pengerusi, ada dia punya blue print-nya, ada Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

**Enche' Abdul Karim bin Abu:** Tuan Pengerusi, saya berharap Chawangan Bank Bumiputera ini yang pertama sakali akan di-buka di-negeri Kelantan (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya sangat bersetuju dengan nama Bank Bumiputera, elok, chantek. Yang saya harap pada masa Bank ini di-dirikan kelak, isi-nya akan dapat di-kechap oleh ra'ayat yang baharu saya sebut ia-itu daripada kaum tani dan kaum nelayan daripada bumiputera negeri ini. Sasabuah Bank di-tubohkan, ra'ayat hendak meminjam wang daripada Bank ini, tentu-lah ada mempunyaï sharat² yang tertentu. Dengan itu saya merayu-lah kapada Kementerian yang berkenaan, sharat² yang akan di-kenakan nanti jangan-lah sampai kaum nelayan yang tidak langsong mempunyaï tanah—kaum tani bekerja di-sawah padi hanya sa-bagai menjadi kuli—tidak dapat ni'mat daripada Bank Bumiputera ini nanti. Dalam tanah ayer kita ini banyak Bank² yang telah tertuboh, tetapi bumiputera negeri ini, malang-nya, tidak-lah dapat ni'mat kerana tidak ada mempunyaï sharat bagi meminjam wang pada Bank saudagar yang ada.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan Bank, saya suka mengulang balek sa-mula, di-tanah ayer kita ini sudah ada mempunyaï Bank Agong Kerjasama². Guna-nya Bank Agong Kerjasama² ini ia-lah kerana memberi pertolongan dan pinjaman kapada petani² dan nelayan²—telah berjalan sa-puloh tahun ka-atas. Bank ini mendapat sokongan daripada Kerajaan. Saya berharap bagi pehak Kementerian yang berkenaan sa-lain daripada memajukan Bank Bumiputera ini, di-harapkan memberikan sama ada membeli saham atau pun memberi pinjaman lewat masa kapada Bank Agong saperti yang saya soal dalam soalan mulut. Dari itu saya berharap sangat² mengulang balek sa-mula ia-itu Bank Agong Kerjasama² yang telah berjalan di-tanah ayer kita ini di-harapkan mendapat pandangan daripada Kerajaan Pusat kerana Bank ini samata² memberikan pertolongan kapada kaum tani dan nelayan² daripada gulongan bumiputera yang paling miskin di-tanah ayer kita. Ini-lah harapan saya, kerana Bank Bumiputera yang akan di-lahirkan ini belum tentu lagi apa sa-benar atau tidak sampai pertolongan ini kapada kaum tani atau pun nelayan, tetapi Bank Agong Kerjasama² tetap akan memperjuangkan kaum tani dan nelayan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Pengerusi, saya bangun untok berchakap sadikit tentang Bank Bumiputera. Saya tidak mahu chakap Bank ini sesuai, chantek, lengkap, atau Bank ini kalau sa-kiranya membuka pintu kapada orang² yang bukan bumiputera nama-nya tidak sesuai. Saperti di-kata oleh wakil yang berchakap yang lalu, saya pun bersetuju kalau sa-kira-nya Bank ini menolong orang miskin, walau pun kaum petani, kaum nelayan, pendudok² di-kampong. Tetapi kita sa-malam sudah dapati penjelasan dari Timbalan Perdana Menteri Bank ini ia-lah sabuah Bank yang membuka pintu kapada semua pendudok di-seluroh Malaysia.

Mr Chairman, Sir, I just want to say one more word about this Bank Bumiputera, and I wish to commend this idea to Members of the Government Benches—whether he be the Minister of Finance, the Deputy Prime

Minister or the Prime Minister himself —and indeed I wish to commend this idea to the whole Cabinet. We agree that perhaps this word "Bumiputera" at this stage of our history will be necessary, in the present context, but I do hope that this is only a temporary term and that in the years to come,— and I do hope that in the not too distant future—we will remove such terms as "Bumiputera", because this indicates: here are the Bumiputeras and here are the non-Bumiputeras. And how are you going to have a united Malaysian nation if you divide the ra'ayat into two compartments? Although the Bank itself is a very laudable project, the name itself however may be misleading. Certainly it is not a name that will draw the various races in this country together. To that extent, Sir, I hope that in future, if the Government has to use terms like "Bank Bumiputera" and the like it will say that is only a temporary measure, and that in the years to come all of us, whether we are Kadazans, Dusuns or Ibans, will be regarded as sons of the soil. I commend this idea to the Cabinet, Mr Chairman, Sir.

**Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit sahaja tentang ini. Masaalah Bank ini tidak guna kita berchakap banyak. Kita luluskan sahaja duit ini. Tetapi saya, Tuan Pengerusi, menchadangkan modal lima juta pun tidak chukup. Apa yang saya chadangkan—boleh jadi ada sa-tengah kawan² saya ketawa, boleh jadi Menteri Yang Berhormat pun ketawa. Saya mengeshorkan lima juta ini hadiah Kerajaan kapada Bumiputera. Itu modal Kerajaan dengan tidak ada apa pinjaman kerana itu, kerana ini. Saya faham Menteri Yang Berhormat akan menjawab tidak boleh, tetapi hendak di-bawa berunding dahulu. Tetapi dalam masa penubohan Bank ini, Tuan Pengerusi, ini ada dua tiga soal yang patut kita hendak kaji.

Yang pertama, orang yang berniaga dengan Bank ini mesti-lah mengikut sa-bagaimana Bank yang lain di-tubohkan, apa bangsa hendak berniaga kita mesti alu²kan. Chuma yang kita minta pandangan Kerajaan, biasa-nya perlumbaan di-antara bank dengan bank ini perkara yang patut di-perhati oleh Kerajaan. Atau kalau ada chadangan Bank Bumiputera untok berniaga hanya bagi orang Melayu sahaja, ini pun tiada betul juga pendirian-nya. Jadi masaalah yang patut kita timbangkan—perlawanan perniagaan di-antara bank dengan bank ini harus Kerajaan mesti mengawasi-nya. Kita harap keutamaan akan di-beri kapada bank ini.

Yang kedua, bagaimana saya kata tadi, modal yang lima juta ini untok permulaan, ini hendak-nya hadiah kapada bumiputera dalam masa hendak menyamakan pertimbangan antara yang ada dengan tidak ada. Tuan Pengerusi, biasa-nya Bank ada menerima chagaran, kerana Bank ini mengikut dasar-nya hendak menerima letakan tanah (chagaran) daripada orang Melayu, tanah² yang geran merah, biasa-nya Bank² sekali-sekali menjadi cheti. Sampai masa-nya di-lelong, dia mesti di-lelong. Sharat ini saya minta tolong longgarkan sadikit, tetapi bukan ma'ana-nya kita memberi kelonggaran sa-panjang², yang demikian baharu ada *sympathy* Bank Bumiputera kapada bumiputera.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, tempat di-dirikan ini, sa-panjang yang saya dengar, hendak di-dirikan di-Kuala Lumpur itu memang elok. Yang pertama sa-kali di-dirikan di-Kuala Lumpur ini. Sahabat saya kata dirikan di-Kota Bharu. Kita mahu di-Kuala Lumpur ini.

Saya bukan tidak setuju di-Kota Bharu itu. Tuan Pengerusi, kita tubohkan di-Kuala Lumpur ini. Sebab-nya saya katakan modal lima juta ini tidak chukup. Kita mahu serentak bagaimana tujuan kita, kita ikut gerakan tentera, bergerak semua lapangan, kita tubohkan semua lapangan di-Kota Bharu, di-Johor Baharu, di-Pulau Pinang, di-Ipoh, di-Perak. Jadi sa-kali lagi saya katakan modal kita hendak banyak, ini yang saya minta pada Kerajaan timbangkan lagi. Lima juta ini barangkali tidak chukup dengan kehendak kita hendak membela supaya

tujuan dan niat kita itu mesti diamalkan sama². Jadi sekarang ini kaki-tangan tidak chukup, ta' apa kita ambil orang yang bukan Melayu untok ranchangan kita, itu tidak merosakkan. Kita mahu pengalaman-nya tetapi pengawasan mesti kita lakukan. Saya balek² chakap, Tuan Pengerusi, dalam satu perniagaan ini, bank mempunyaï perlumbaan mesti ada. Masaalah perlumbaan ini-lah yang saya harap kapada pehak Menteri Yang Berhormat, pada Kerajaan Perikatan yang saya sa-orang ahli di-dalam-nya, minta di-pertimbangkan sebab di-dalam negeri ini ada berpuloh² bank. Kalau tidak ada yang hendak berniaga dengan bank bumiputera jadi Bank ini tidak chepat rolling-nya, bila tidak chepat rolling-nya, dia lambat pusingan-nya. Dalam perlumbaan, bila lambat pergi, dia mengambil tempoh masa yang lama dan kemenangan dia langsong tidak dapat. Kita mengharapkan kepercha-yaan orang ramai dan sokongan daripada semua bank² dan peniaga² dalam negeri ini. Jadi kalau peniaga ini sudah banyak, soal $5 juta yang saya chakap tadi tidak timbul lagi. Sekian-lah. Saya harap, Tuan Pengerusi, pandangan saya ini dapat timbangan. Terima-kaseh.

**The Assistant Minister of National and Rural Development (Enche' Sulaiman bin Bulon):** Dato' Pengerusi, pada fikiran saya soal bank ini sudah di-jelaskan sa-malam oleh Yang Amat Berhormat Tun sa-bagai Menteri yang bertanggong-jawab. Bagi pehak ahli² dari Kerajaan, saya fikir tidak ada-lah khuatir tentang apa bentok yang hendak di-jalankan atau tentang apa rupa yang di-bawa kemudian-nya, kerana ini hanya-lah kita berkehendakkan satu peruntokan sahaja bagi menjalankan permulaan untok bank ini supaya berjalan. Biar-lah perkara ini kalau pun menyeleweng pada Parti Pembangkang sahaja saperti sa-malam kita telah membinchangkan perkara² MARA dan sunggoh pun perkara itu ada baik-nya, tetapi kebanyakan-nya keburokan sahaja-lah yang telah dikemukakan hingga menyebabkan menyentoh beberapa perkara hingga membawa kita ka-sarang tupai, ka-Jalan Duta dan berbagai lagi, yang mana kita tidak-lah patut membabitkan perkara itu ka-dalam Dewan ini. Itu-lah kadar yang mana kita dapati dari ahli² Parti Pembangkang, lebeh² lagi daripada PAS, yang kita harapkan boleh menyokong gerakan ini, tetapi telah memberi pandangan yang tidak bagitu memberi kebaikan kapada kita semua-nya.

Jadi, sekarang ini nyata-lah kapada semua ahli Kerajaan hanya kita meminta supaya peruntokan $5 juta ini di-luluskan dan kemudian kalau pun tidak chukup kita akan baiki dan kita akan minta lagi, dan Bank ini tidak harus-nya kita juga churiga, kerana Bank ini mesti-lah berjalan sa-bagai sa-buah bank biasa, tidak sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir tadi supaya Bank ini sa-mata² di-gunakan oleh anak bumiputera di-sini. Jadi, kalau-lah kita gunakan sa-mata² untok anak bumiputera maka sa-jauh manakah perniagaan yang boleh kita jalankan untok memajukan bank ini, lebeh² lagi bank ini akan berjalan supaya memberi faedah dan sa-baik² faedah kapada ra'ayat. Jadi, saya rasa tidaklah banyak kita churiga atas perkara² itu . . . .

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Untok penjelasan, Tuan Pengerusi. Yang sa-betul-nya bagi pehak kami di-sini menyokong Bill ini, chuma kami bangkitkan perkara² yang kami nampak boleh memberi fikiran untok memperbaiki lagi atau pun constructive criticism. Jadi, kalau sa-kira-nya Bank ini di-bukakan kapada ra'ayat jelata, maka $5 juta itu tidak chukup wal-hal Bank ini ia-lah hasil daripada tujuan Kerajaan untok hendak menolong bumiputera. Itu dari satu segi. Dari segi yang lain pula, nama bumiputera itu tidak-lah sesuai dengan perjalanan Bank ini. Itu sahaja kami bangkitkan, —constructive criticism bukan kerana apa².

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Tuan Pengerusi, kita uchapkan terima kaseh di-atas sokongan itu, dan kita harap Bank ini akan berjalan dengan baik dan sempurna, dan kita harap

kemudahan² -nya sahaja-lah yang membabitkan kapada perkara yang hendak memajukan bumiputera kita dan tidak pula hendak menjatohkan Bank itu nanti. Saya tidak-lah hendak berchakap lebeh banyak daripada itu. Jadi kita harap peruntokan ini untok permulaannya di-luluskan $5 juta.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, ada ketinggalan sadikit dalam penerangan itu. Saya minta penerangan daripada Menteri kita ada-kah yang $5 juta itu sa-bagai pinjaman atau sa-bagai saham atau pun sa-bagai hadiah—itu tidak disebutkan langsong. Saya hendak tahu juga, kalau tidak, macham mana saya hendak menyokong segala²-nya.

**Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untok menjawab sadikit sa-banyak masaalah² yang di-bangkitkan oleh beberapa ahli yang telah berchakap berhubong dengan wang peruntokan bagi Bank Bumiputera itu. Sa-benar-nya, urusan bagi membentok atau menubohkan Bank ini telah pun di-jalankan oleh Kementerian saya sahingga tertuboh-nya dan di-lancharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Masaalah yang di-bangkitkan oleh wakil dari Bachok ia-itu ada-kah modal yang di-beri sa-banyak $5 juta itu sa-bagai pinjaman atau pun pemberian. Jadi, saya harap-lah kapada wakil itu sendiri atau pun Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu memerhatikan ia-itu wang ini ada-lah sa-bagai direct expenditure, bukan sa-bagai loan. jadi berma'ana-lah perbelanjaan terus, bukan sa-bagai pinjaman.

Soalan yang kedua daripada Ahli dari Temerloh berkenaan dengan pembukaan penjualan saham² kapada orang ramai atau pun ra'ayat negeri ini. Perkara ini sedang di-kaji oleh Pengarah Bank Bumiputera dan barangkali pada awal tahun hadapan saham² akan mula di-jual kapada bumiputera yang ada dalam negeri ini. Saya berharap pada masa itu bumiputera dapat membeli saham² itu, yang mana jumlah modal bank ini ia-lah $20 juta juga dan $5 juta saham daripada Kerajaan dan $15 juta akan di-buka dari satu masa ka-satu masa kapada bumiputera untok membeli-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir telah bertanya ada-kah terbuka Bank ini untok orang ramai yang bukan bumiputera berhutang. Jadi, sa-bagaimana, Tuan Pengerusi, sedia ma'alum ia-itu Bank Bumiputera adalah di-tubohkan di-bawah Undang² Bank dalam negeri ini dan Bank Bumiputera akan menjalankan perniagaan sa-bagai sa-buah bank biasa sama juga dengan bank yang ada dalam negeri ini. Chuma perbezaan di-antara Bank Bumiputera dengan bank yang ada dalam negeri ini ia-lah berkenaan dengan dua dasar yang besar.

Yang pertama sa-kali, bank yang lain tidak akan menerima atau enggan menerima tanah² di-dalam Malay Reservation atau Tanah Rizab Melayu untok di-jadikan sandaran, dan bank yang lain juga tidak akan memberi keutamaan pinjaman berkenaan dengan pertanian dan nelayan, tetapi Bank Bumiputera ada-lah di-arahkan, yang pertama-nya, untok mengutamakan pinjaman kapada ahli² pertanian dan nelayan, dan yang kedua bank itu akan menerima tanah² dalam Malay Reservation untok di-jadikan sandaran. Jadi, sa-lain daripada dua dasar yang besar ini, kedudokan Bank Bumiputera dengan bank yang ada pada hari ini ada-lah sama dengan Bank Bumiputera. Bank Bumiputera akan menerima wang² deposit bukan sahaja daripada bumiputera tetapi daripada orang² lain juga, daripada orang yang ada dalam negeri ini. Jadi berma'ana-lah orang sa-lain daripada bumiputera, sama ada orang India, orang China dan lain² boleh berniaga dengan Bank Bumiputera, sa-bagaimana mereka berniaga dengan bank² yang lain juga. Jadi, kalau sa-kira-nya mereka di-benarkan atau boleh berniaga dengan Bank Bumiputera boleh menyimpan wang dalam Bank Bumiputera, berma'ana mereka juga boleh di-beri pinjaman dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah meminta supaya di-longgarkan sharat[2] pinjaman.

Dalam masaalah ini, pada fikiran saya, sharat yang boleh di-longgarkan ia-itu sharat menerima tanah yang bergeran dalam Malay Reservation itu sa-bagai chagaran—itu boleh di-longgarkan, tetapi hendak di-longgarkan dengan ta' payah bersharat, ta' payah bersandar, ta' payah sa-bagai itu dan ini, sudah tentu-lah tidak dapat di-jalankan oleh mana[2] juga bank di-mana[2] juga negeri. Berkenaan dengan kelonggaran sharat[2] itu, yang pertama kita akan beri, ia-itu tanah[2] dalam Malay Reservation akan di-terima untok di-jadikan sandaran dan yang kedua, barangkali kita boleh melonggarkan sadikit, ia-itu membuat taksiran yang lebeh banyak daripada taksiran biasa, atau sa-bagai-nya—itu sahaja yang kita boleh buat, tetapi sharat[2] yang lain, saya rasa kita tidak dapat di-longgarkan.

Kemudian, Ahli Yang Berhormat itu juga telah membawa ia-itu berkehendakkan supaya pehak Kerajaan sama ada membeli saham, atau memberi pinjaman kapada Apex Bank, sunggoh pun ini tidak ada berkaitan dengan soal yang kita sekarang binchangkan, tetapi saya suka-lah menerangkan ia-itu pehak Kerajaan memikirkan—tidak patut membeli saham dari Apex Bank, kerana Apex Bank ada-lah bank yang di-anggotai oleh ahli[2] sharikat kerja-sama dan saham[2]-nya di-beli oleh ahli[2] sharikat kerjasama, tetapi pehak Kerajaan akan terus memberi pinjaman sa-bagaimana biasa kapada Apex Bank, atau Bank Agong.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis telah meminta supaya wang $5 juta ini di-hadiahkan sahaja. Jadi, saya rasa sa-bagaimana yang saya telah terangkan, wang ini ia-lah perbelanjaan untok mendirikan bank, dan saya juga berharap atau Kerajaan juga berharap supaya bumiputera pula akan menchurahkan wang mereka untok membeli saham[2] dalam Bank Bumiputera manakala saham[2] ini di-jual kelak.

Jadi, saya rasa itu-lah sahaja yang saya dapat terangkan berkenaan dengan bumiputera dan saya harap perkara itu akan menjadi jelas kapada Ahli[2] Yang Berhormat.

**Dr Ng Kam Poh:** Mr Chairman, Sir, I wish to reply to the various questions so interestingly put concerning the $5 million of the Bank Bumiputera—the debate is most interesting.

I will deal first with the Member for Bachok. Obviously, he has not looked at the Development (Supplementary) Estimates, as said by the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives. The amount is under column (8)—Direct. In other words, it is Government's equity investment in a commercial bank to put the bank on its feet. At the beginning, the Government decided to give an equity investment to the bank, to start with. The Bank has an authorised capital of $20 million, of which shares will be given out from time to time and sold to the indigenous people for them to buy shares. So, in the first place, he has misunderstood, whether it is a grant or a loan. If he had only looked at the column, he would have found out.

Now, I come to the Member for Kelantan Hilir. He has asked me whether we give loans only to *bumiputeras* or to all. Obviously, Sir, he is not a good businessman. If you give loans only to *bumiputeras,* you do not make enough money; you cannot operate the Bank. If you want to operate the Bank—and banking business means lending money, investing, buying land and other purposes—you must, of course, deal with other people. That is why the Bank Bumiputera is formed. By obtaining money for investments in order to get returns, the Bank, in an indirect way, helps the bumiputeras or the indigenous people by giving them loans with less interest, if I may put it that way. So, the Member for Kelantan Hilir does not understand at all what he is talking about. If he limits it only to the indigenous people and does not do business with other people, how is the Bank going to function?

I will now come to the question raised by the Member for Temerloh. That question was adequately answered by the Minister of Agriculture and Co-operatives. I think the Honourable Member suggested that we should have qualified staff for the Bank. If he would only read the Companies Ordinance concerning the Bank Bumiputera, he would find that there is a Board of Directors being set up—a Chairman has been appointed and everything is being organised—and the $5 million is only an equity investment in the Bank to start off its banking business. In future, we hope that the bumiputeras themselves, or the indigenous people themselves, will subscribe or buy shares in this Bank.

I think the points raised by the Members for Lipis and Melaka Selatan have been answered by the Minister of Agriculture and Co-operatives. The only thing left for me to answer now, Sir, is the observation by the Member for Batu. He says that the name "Bank Bumiputera" is misleading. However, Sir, a rose by any other name will smell as sweet. So, if you put the name as "Bank Bumiputera", or "Bank of the Indigenous People" or the "Bank Ra'ayat", it still does banking business licensed under the Banking Ordinance of 1958—it is only a question of the name. He says that we must decide to do business with the bumiputeras on the one side and the non-bumiputeras on the other side. That question does not arise from this $5 million given to the Bank itself.

I think I have answered the questions of most Members here at present, and I do not think there is anything else left for me to reply except to say, "Thank you, Sir."

**Enche' Geh Chong Keat:** Sir, I rise on a point of clarification.

**Mr Chairman:** What, after the double barrel explanation? (*Laughter*).

**Enche' Geh Chong Keat:** On a point of clarification from the Assistant Minister of Finance, Sir. He says that Bank Bumiputera may charge less interest for the indigenous people against other banks. Is he implying that the Bank Bumiputera is up in competition against other banks, as that will be not in accordance with the Banking Ordinance?

**Dr Ng Kam Poh:** I did not say exactly that, Sir. He got the wrong meaning. What I said was this. There is a Banking Ordinance and within this Ordinance no Bank can charge interest more than the amount specified therein. He is a Bank Manager, you know—(*Laughter*)—and he can give a loan at 9.6%, he can give a loan at 8.4%, he can give a loan at 7.2%. There is a very wide range of rates. One can lend at 7.2% to *bumiputera* and to the other people at 8.4% and so on. This is within the range of the Banking Ordinance. It is up to the Bank Manager himself to use his own discretion to do whatsoever he likes: if he wants to give less to bumiputera, he can do so. That is what I meant, Sir.

Question put, and agreed to.

The sum of $5 million for Head 119 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Head 121—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Head 121 be approved.

**The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun):** Mr Chairman, Sir, a sum of $10.25 million has been set aside as loans to State Governments and Local Authorities to develop industrial estates. Up to the end of last year, practically all these money, except for $10,000, had already been lent out to develop the Tasek Industrial Site near Ipoh, the Batu Tiga Site near Klang, and the Senawang Site near Seremban. Early this year the Perak State Government submitted a plan to develop 600 acres of industrial land at Kamunting and sought a loan of $1.21 million. This has been agreed to by the Federal Government on condition that the money be phased out. The sum of $600,000 would be necessary for this

year and as there was only $10,000 the sum of $590,000 had been advanced from the Contingencies Fund. I beg that these amounts be approved.

**Enche' Ong Kee Hui (Sarawak):** Mr Chairman, Sir, I just want to ask one point for clarification. Is this scheme confined only to Malaya or are there any schemes which could be financed out of this Head, if an approach was made by any State say, either Sabah or Sarawak?

**Dr Lim Swee Aun:** It is open to all the States of Malaysia.

Question put and agreed to.

The sum of $590,000 for Head 121 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Head 122—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Head 122 be approved.

**Enche' Lee Siok Yew:** Mr Chairman, Sir, I rise to move that the sum of $1,400,000 shown under Sub-head 21, College of Agriculture, under Head 122, Ministry of Education of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, No. 2 of 1965 be approved.

Sir, studies undertaken recently in connection with the development and diversification of the agricultural sector of the Malaysian economy has shown that a large number of personnel with agricultural training for employment at the category 11 level are required as a matter of urgency to ensure the success of the various agricultural projects that are being planned for implementation during the First Malaysia Plan period. In view of this, Government has decided that, as a first step towards meeting this urgent need, the facilities available at the College of Agriculture in Serdang, Selangor, should be improved, and expanded to double the total enrolment at the College as part of its overall expansion programme under the plan. It is hoped therefore that it would be possible to double the next first-year intake into the College—this will take place in about May, 1966. If this is to be done, immediate steps have to be taken to construct the additional buildings required and to provide all the necessary additional teaching facilities within the next few months.

**Phase I of the overall expansion programme:** The projects that have been included in this Phase I include the construction of a hostel for the accommodation of 160 students, the necessary dining and common room facilities, lecture theatres and agricultural engineering block. It is estimated that this Phase of the expansion programme will cost about $1.4 million. Therefore, only this sum is now requested as part of the Supplementary Development Estimates, so that work on the projects concerned can start immediately. The balance of the money, that will be required to complete the entire expansion programme will be sought as part of the First Malaysia Plan.

Sir, I beg to move.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Chairman, Sir, may I ask the Minister of Education one question? I think there was a statement made by his Ministry that the cost per student in Serdang Agricultural College, is in the region of $6,000 per student per year, whereas the cost per student in the Faculty of Agriculture, University of Malaya is lower than that—I do not know the exact figures. In fact I think I have asked a question on it, but, looking at the Written Answers here, I see it has been striken off. I do know that the cost per student per year in the College of Agriculture, Serdang is higher than the cost per student per year in the Faculty of Agriculture at the University of Malaya. If so, Mr Chairman, Sir, can the Assistant Minister for Education please tell us why there is this paradox? One would have thought that education at university level would cost this country more than education at diploma level.

**Enche' Lee Siok Yew:** Sir, it is quite true that the cost per student at the Agricultural College is about

$6,000 per head per annum, as mentioned by the Honourable Member for Batu. In fact, the same amount of $6,000 is being spent for a student at the College in the University of Malaya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Chairman, Sir, there is no college at the University of Malaya. For the information of the Assistant Minister of Education, there is a Faculty of Agriculture. I do not know why Ministers are not aware of the various Faculties in the University of Malaya. I do hope particularly the Ministry of Education, should be well up on things like Deans and Principals and Faculties and Colleges as surely they must be well up, particularly the Ministry of Education. We heard the other day the Minister describing the Principal of a College when he is the Dean of the Faculty of Engineering. I do hope, Mr Speaker, Sir, the Ministers will bring themselves up to date on these things. But it is not true to say that the cost per student per year in the Faculty of Agriculture is $6,000. It is less than that. That is why I am asking the Assistant Minister of Education whether he has an explanation for this paradox.

**Enche' Lee Siok Yew:** Sir, I will find out the facts and figures in regard to this matter and I will supply to the Honourable Member if he meets me on another occasion in this House.

**Enche' Ong Kee Hui:** Mr Chairman, Sir, the question I want to ask is, in view of what has been stated regarding the relative cost of these two institutions, dealing with more or less the same subject, is it the intention of Government to keep two separate institutions for agricultural education? Would it not be, possibly, more feasible to incorporate the two into one? What is the policy of Government on this point?

**Enche' Lee Siok Yew:** Sir, the point is that we have different levels of education.

**Dr Tan Chee Khoon:** May I say to the Assistant Minister for Education, in view of this coming First Malaysian Plan and in view of the fact that most of the money quite properly should be spent on the agricultural sector, that we would need not just may be 100 or so at that level of education, Diploma level, but we would need hundreds, if not thousands, of them to implement this First Malaysian Plan? If I may point out to the Government, particularly with regard to agriculture, that one of the failures of the First and Second Malayan Five-Year Plan is that it has said, "All right, we will spend so much on agriculture, we will spend so much on education", without having regard to the bodies that are necessary, and it was because that the bodies were not available that you had this $7 million in the Second Five-Year Plan that I see here that is still outstanding. Millions of it is outstanding. They cannot spend it, because the bodies are not present. In view of this great shortage of bodies of trained personnel in agriculture, is it not the policy of the government to rapidly expand such facilities for training in agriculture not only in the States of Malaya but, I hope, in the Borneo States as well, because they also are primarily agricultural countries?

**Enche' Lee Siok Yew:** In fact, we are considering this matter.

Question put, and agreed to.

The sum of $1,400,000 for Head 122 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Head 123—**

**Parliamentary Secretary to the Ministry of Health (Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman):** Mr Chairman, Sir, I beg to move that the total cost of the Teaching Hospital in Petaling Jaya be revised from $39,058,427 to $47,655,504 and for this a token sum of $10 under Head 123, Medical and Health, Sub-Head 220 (iv), Teaching Hospital, Petaling Jaya, be provided.

Honourable Members will notice that in Development Estimates for 1965 under Head 123, Sub-Head 220 (iv), the estimated total cost of the Hospital is

given as $39,058,427. When these estimates were presented to Parliament and approved in December 1964, it was anticipated that equipment and other cost element estimated at $8,597,077 would be made available under external assistance arrangements. As it is not yet known how much of external assistance would be forthcoming and in view of the needs to proceed urgently with the completion of the project, it is considered necessary to revise the estimated total cost from $39,058,427 to $47,655,504. No additional fund is required this year. I ask therefore that a token sum of $10 as provided be approved.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Chairman, Sir, if I heard the Parliamentary Secretary correctly, he said that the revised estimates now will cost $47 million plus. In the first place, Mr Chairman, Sir, I do not know why originally the Ministry of Health thought that equipment, which is a very costly item in a new hospital, should come from outside agencies. I do not know who the outside agencies are, and it is indeed fortunate that the German government has come to the rescue of this government by giving a loan on very generous terms of $11.5 million and not just $8 million as the Parliamentary Secretary for Health has said. That is No. 1. Indeed Sir, he mentioned a figure of $47 million. I think it is correct to say that the estimated cost at the moment will amount to $52 million and not $47 million; and when the final costing is done, no doubt it will be more than $52 million. That is for purposes of record. Sir, I hope that the Ministry for Health will perhaps bring themselves, again, up to date.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:** Mr Chairman, Sir, as I mentioned just now, an amount of $8.5 million is short, but now Germany is offering us about $11.5 million and Australia has offered us $1.8 million. Sir, that comes to $13 million almost.

Question put, and agreed to.

The sum of $10 for Head 123 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates 1965.

**Mr Chairman:** The sitting is suspended for fifteen minutes.

*Sitting suspended at 5.50 p.m.*

*Sitting resumed at 6.15 p.m.*

House immediately resolved itself into Committee of the whole House.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

**Head 125—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown in Head 125 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates for the year 1965 be approved and it is open for debate.

**The Minister of Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya menchadangkan supaya wang sa-banyak $6,000 di-bawah Kepala 125, Kebajikan Masharakat, Kepala-kechil 21, Memperbaiki Padang² Permainan di-luluskan. Saperti yang ternyata daripada nama yang di-beri kapada Kepala-kechil ini peruntokan ini ada-lah di-kehendaki untok membaiki padang permainan Sekolah Lelaki, Sungai Besi, ia-itu sa-buah yayasan pemulehan bagi budak² yang bersalah. Sekolah ini, semenjak di-bena, hanya mempunyaï sa-buah padang permainan sementara yang menggunakan tanah merah. Penggunaan sa-panjang masa telah menyebabkan padang itu terdedah dengan batu² dan baharu² ini telah tidak dapat di-gunakan lagi sa-bagai padang bola. Ahli² Yang Berhormat tentu-lah tahu dan menyedari bagaimana perlu-nya sa-buah padang permainan dalam sa-buah yayasan yang sa-umpama ini, baik pun daripada segi kesihatan mahu pun daripada segi kesukanan. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya pohon supaya peruntokan ini di-luluskan.

Question put and agreed to.

The sum of $6,000 for Head 125 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965, agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Heads 126, 166 and 186—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown in Head 126 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates for the year 1965 be approved.

**The Assistant Minister of National and Rural Development (Enche' Sulaiman bin Bulon):** With your permission, Sir, I wish to take Heads 126, 166 and 186 in Command Paper No. 38 of 1965 together.

Mr Chairman, the provision of $7,068,000 under Head 126, Sub-head 20, is required to establish emergency development re-housing schemes at the 17th, 21st and 22nd Mile Kuching/Serian Road under Operation Hammer. This exercise is considered to be a vital security measure designed to protect about 1,422 families along the Kuching/Serian Road from communist intimidation, subversion and terrorism. The residents along this road at 18th and 19th Mile have to be re-grouped and re-housed in three selected areas along the road. The provision is for the construction of Government buildings, police posts, shop-houses, and for the payment of temporary staff required to supervise and manage the projects. It is also for the provision of perimeter fencing, internal roads, water supplies, lighting and other essential public amenities. A substantial portion of the total amount is also for the purpose of strengthening the ability of the security forces to protect the re-housed people from communist influence in subversive activities. The settlers involved are paid a total of $1,500 each as housing grants and disturbance allowance. Since the project is implemented on development basis as opposed to purely housing or regrouping schemes, the settlers had to be given both residential and agricultural lots with a view to helping them to start a new and better life with a better future. Part of the total provision required is for the purpose of acquiring plots of land for those settlers. These plots of land are alienated to them at a certain rate of premium. The provision is also required for the payment of subsistence allowance of $1 per head per day for a period of one year, by which time their plots of land would have been brought under cultivation. The project is carried out in phases. Up to date, phases I and II have already been completed and phase III is now under progress.

In regard to Head 166, a sum of $60,050 is required for minor rural development work in Sabah. The amount is for the construction of kampong roads, community halls, jeep tracks, footpaths, playing field, etc.

Similarly, the sum of $200,000 provided for under Head 186 is required for the construction of minor projects in Sarawak.

Sir, I beg to move.

**Mr Ong Kee Hui:** Mr Chairman, Sir, I do not wish to go into the merits or demerits of the schemes as such. There is one point on which I wish to seek clarification from the Assistant Minister, and that is with regard to these houses which are being built for the settlers. If I am not mistaken, these houses are not built as a whole project by Government. I believe that the settlers are being given money for the construction of their own houses. The point I wish to make is that, by doing it in this manner, possibly Government is incurring, unnecessary expenditure, or excess expenditure. As the settlers are living in a controlled area, it is difficult for them to make arrangements for making their own houses individually. For that reason they have to rely on people outside to organise this for them. For that reason also it would appear that one contractor, who had no previous experience at all and who had only recently set up a business, was able—because he knows his way about—to get virtually a monopoly of the contract for the building of these houses; and upon his subcontracting to other people he would be making money and the subcontractor would also make money. Therefore, it would appear that one of two things would happen; either these houses would be below the standard required or, if they

are of the standard required, would cost far more than if the Government itself had undertaken to build these houses as a whole project.

I wonder whether the Assistant Minister would consider, if it is not too late already—he has mentioned that the scheme is being done phase by phase—that in future if other schemes of this kind, or schemes in the other areas—say at the 21st Mile or the 24th Mile—if those have not already been done, consider doing them as a whole project, in one big contract by tender, rather than doing them in the manner in which they have been done.

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Sir, the same question will come up tomorrow morning, and I think we will reply early tomorrow.

Question put, and agreed to.

The sums of $7,068,000 for Head 126; $60,050, for Head 166: and $200,000 for Head 186 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Heads 129, 130 and 131—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Heads 129, 130 and 131 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965 be approved.

**The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mengemukakan—

**Kepala 129—Jabatan Ukor**—peruntokan sa-banyak $48,710,

**Kepala 130—Orang Asli**—peruntokan sa-banyak $163,000, dan

**Kepala 131—Kehutanan** sa-banyak $45,000, supaya di-luluskan.

**Head 129—**

Tuan Pengerusi, wang tambahan sa-banyak $48,710 ada-lah di-kehendaki oleh Jabatan Ukor untok membeli sa-bidang tanah tapak bagi bangunan Pejabat Ukor di-negeri Kedah. Kerajaan Negeri Kedah telah pun bersetuju mengadakan tanah yang tersebut.

**Head 130—**

Sa-bagaimana kita sakalian harus ketahuï di-beberapa tempat dalam Malaya ini, yang berhampiran dengan jalan$^2$ raya, ada beberapa gulongan orang$^2$ asli yang tinggal dalam keadaan yang menyedehkan hati kita sakalian. Jabatan Orang Asli di-bawah Kementerian saya telah berusaha dengan giat-nya membantu mereka itu menghapuskan keadaan kemiskinan dan keadaan$^2$ lain di-antara mereka ini, tetapi sunggoh pun demikian banyak lagi usaha$^2$ perlu di-lipat-gandakan. Pada awal tahun ini kita dapati ada tiga kawasan hitam atau "black spots" yang menghendaki bantuan yang segera. Kawasan$^2$ itu ia-lah di-Baling, Kedah; Mawai, Johor; dan di-Sentosa dekat Muar, Johor. Untok melaksanakan usaha hendak menghapuskan kawasan$^2$ hitam itu dengan segera-nya, maka Kerajaan Perikatan telah melancharkan satu ranchangan yang kita gelarkan Ranchangan Kilat.

Di-bawah Ranchangan Kilat ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan telah menuboh suatu pasokan pembena atau "construction corp" dan penubohan pasokan ini ada-lah merupakan suatu langkah yang constructive dan positive dalam segala$^2$ usaha Kerajaan Perikatan untok membantu orang$^2$ asli. Pasokan ini ada-lah di-ketuaï oleh sa-orang pegawai yang mahir daripada Jabatan Orang Asli. Tugas pasokan itu ia-lah memberi bantuan yang segera dan berkesan kapada orang$^2$ asli dan juga mendapat bantuan dan kerjasama yang penoh daripada orang$^2$ asli sendiri dalam menjalankan tugas pasokan itu. Pasokan pembena ini boleh di-hantar ka-mana$^2$ tempat sahaja di-mana pasokan itu di-kehendaki dengan segera-nya. Ia-nya dapat memberi bantuan dengan mendirikan rumah$^2$ baharu, sekolah$^2$ dan balai raya, mengadakan bekalan ayer, bantuan pertanian dan lain$^2$ kemudahan untok orang$^2$ asli.

Pasokan pembena ini ada-lah di-bahagi kapada dua bahagian atau "team". Tiap$^2$ bahagian mempunyaï sa-orang field assistant bahagian (General) dan sa-orang field assistant

(Medical), dua field staff dan sa-puloh tukang kayu dan buroh kasar. Kaki-tangan² pasokan pembena ini hampir² semua-nya terdiri daripada orang² asli sendiri.

Jumlah perbelanjaan bagi pasokan pembena itu ia-lah lebeh kurang $40,000.

Saya telah menerangkan tadi tiga kawasan hitam, dan di-ketiga² kawasan itu Kerajaan bertujuan menjalankan usaha² yang tersebut di-bawah ini:

Di-Kampong Lalang, Baling, Kedah: 25 buah rumah akan di-dirikan dengan memakan belanja sa-banyak $35,000. Sa-lain daripada itu kita akan membuat jalan² kechil, jambatan, balai raya, mengadakan bekalan ayer dan lain² lagi yang memakan belanja $5,700. Kita akan mengadakan ranchangan ternak yang memakan belanja $2,500, membuat dua kolam ikan dengan belanja $300, memberi alat² pertanian kapada tiap² kelamin, memakan belanja sa-jumlah $1,250.

Di-Kampong Mawai, Kota Tinggi, Johor pula 6 buah rumah akan di-dirikan dengan belanja $5,600 dan kemudahan² lain saperti yang tersebut di-atas tadi pun akan di-adakan juga. Di-Kampong Sentosa, Muar, Johor, 24 buah rumah akan di-dirikan dengan belanja $33,600 dan kemudahan² yang saya sebut tadi akan kita adakan juga di-kampong ini. Jumlah perbelanjaan bagi tiga buah kampong tersebut ia-lah lebeh kurang $113,000.

Sa-lain daripada apa yang telah saya nyatakan tadi, Tuan Pengerusi, Kerajaan Perikatan juga telah membelanjakan $10,000 bagi ranchangan ternak untok orang² asli di-Kampong Ruil, Pahang, pendudok-nya lebeh kurang 200 orang. Daripada wang tersebut Kerajaan telah membeli 73 ekor kambing dan 350 ekor ayam serta juga alat² perkakas untok membuat pagar rumah² kambing dan reban² ayam. Jabatan Orang Asli berharap projek² ini dapat kita siapkan pada akhir tahun ini, jika tidak dapat oleh kerana keadaan hujan pada masa ini, harus kita terpaksa menyambong projek ini dalam tahun yang akan datang.

**Head 131—**

Wang sa-banyak $45,000 ada-lah di-kehendaki untok membeli alat² kelengkapan yang dapat di-beli dalam negeri dalam tahun 1965 ini. Alat² kelengkapan ini ada-lah di-guna untok memperchepatkan penyiasatan isi² hutan (forest resources survey) yang di-jalankan oleh Jabatan Hutan. Penyiasatan tersebut ada-lah satu daripada bantuan kapada Ranchangan Pembahagian Kebolehan² Tanah (Land Capability Classification Programme). Ada-lah sangat² mustahak alat² kelengkapan itu di-perolehi dengan segera-nya untok memperchepatkan perlaksanaan penyiasatan dan juga untok menyelesaikan penyiasatan itu lebeh awal lagi daripada tarikh yang di-tetapkan dahulu. Perkara ini penting di-jalankan dan di-selesaikan dengan segera-nya kerana memandang betapa mustahak-nya kerja² mengenaï perkara² yang berkaitan dengan ranchangan ekonomi dan juga chara² penggunaan isi² bumi dalam Negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya pohonkan perbelanjaan di-bawah Kepala² 129, 130, 131 di-luluskan.

**Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya chuma hendak membangkitkan dalam Kepala 130 ia-itu berhubong dengan orang² asli. Pada mula-nya saya menyangka bahawa permintaan wang² tambahan ini akan terlaksana-lah satu permintaan dua kampong orang² asli di-kawasan saya, tetapi malang-nya manakala saya dapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan—di-daerah Muar hanya Kampong Sentosa, Kampong yang saya telah kemukakan dalam Dewan yang mulia ini, ia-itu Kampong Sungai Mering dan satu lagi Kampong Paya Tumboh di-Bekoh Asahan. Orang² asli ini chuma menghendaki supaya di-adakan balai raya di-situ dan juga bantuan² membuat rumah. Saya memandang berat permintaan mereka ini, sebab perkampongan ini jauh, berhampiran dengan Gunong Ledang—perkembangan mereka dalam masharakat dan mereka mengadakan dua kelas dewasa

di-tempat itu, di-dalam bangunan yang burok, kadang² waktu hujan, mereka terpaksa basah.

Sa-lain daripada itu, mereka pula telah rela menjadi Tentera Wataniah yang di-tubohkan oleh Kerajaan, tetapi itu-lah saya berasa dukachita dengan permintaan wang tambahan ini tidak terlaksana apa yang di-minta oleh dua perkampongan orang asli di-kawasan saya Muar Utara itu, terima kaseh.

**Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit sahaja ia-itu Kepala 130. Saya bersetuju peruntokan Kepala 130 ini di-luluskan, tetapi sabelum di-luluskan, saya hendak bertanya sadikit kapada Yang Berhormat Menteri, saya bila di-sebutkan kawasan hitam, saya ada lain pengertian, sebab negeri ini baharu sahaja tamat dharurat. Apa-kah maksud kawasan hitam bagi tiga kawasan yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada-kah kerana ranchangan sengaja di-pertinggalkan, atau sengaja di-tinggalkan, atau kerana orang yang di-tiga kawasan itu ta' mahu menerima ranchangan. Jadi, sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak tahu, bila-kah tarikh kawasan hitam ini di-chap bagi pendudok orang² asli itu, atau dengan ini berma'ana lain kawasan perkampongan orang² asli sudah masok kawasan puteh-kah? Terima kaseh.

**Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, kawasan hitam itu tidak ada kena-mengena dengan emergency. Sa-benar-nya kawasan hitam ini hanya perkataan ini di-gunakan oleh kerana keadaan mereka itu sangat menyedehkan daripada segi kesihatan, kemiskinan dan rumah tempat kediaman mereka itu. Jadi, kita dapat tahu pada awal tahun ini, keadaan mereka itu menghendaki tindakan yang segera dan bukan di-kawasan itu sahaja, bahkan ada di-kawasan lain, tetapi kerana memandangkan dari segi wang tahun ini, kita terpaksa menimbangkan mana daripada kawasan² yang lain itu yang perlu sangat kita selenggarakan dengan segera-nya dalam tahun ini.

Saya sedar saperti permohonan daripada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tadi ia-itu dalam kawasan-nya menghendaki balai raya. Jadi, balai raya itu tidak-lah kita anggap sa-bagai satu perkara yang penting mesti dikerjakan esok, atau pun lusa, atau pun satu bulan lagi. Apa yang akan kita buat ia-lah dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, banyak ranchangan² untok memperbaiki keadaan² orang² asli akan kita buat. Jadi, permohonan daripada beliau itu akan di-perhatikan oleh Jabatan Orang Asli di-bawah Malaysia Plan Yang Pertama. Itu-lah sahaja penerangan yang saya hendak berikan, Tuan Pengerusi.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, satu sahaja pertanyaan untok meminta penjelasan, ia-itu perkataan kawasan hitam—black spot yang di-sebutkan tadi—legal term-kah, atau dari segi undang²-kah, atau pun kalau tidak, tarek balek dia punya perkataan itu.

**Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tentang hal undang² ini, Tuan Pengerusi, ta' ada kena-mengena—itu bukan ada *legal interpretation* dia. Banyak perkataan dalam ini, mithalnya Bank Bumiputera ta' ada dia punya definition.

Question put, and agreed to.

The sums of $48,710 for Head 129, the sum of $163,000 for Head 130, the sum of $45,000 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Heads 132, 134 and 136—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Heads 132, 134 and 136 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates for the year 1965 be approved.

**The Minister of Agriculture and Cooperatives (Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya pohonkan Kepala 132 berjumlah $200,000; Kepala 134 berjumlah $3,500,010 dan Kepala 136 berjumlah $23,875; jumlah besar $3,723,885 di-luluskan.

Kepala 132, permintaan sa-banyak $200,000 ada-lah di-kehendaki untok membuat jalan dalam kawasan pemulehan dan menanam sa-mula kelapa di-Minyak Beku, Johor. Jalan ini sangat-lah mustahak dan ada-lah segera di-kehendaki untok membolehkan peserta² dalam ranchangan itu mengeluarkan hasil nanas yang di-tanam di-antara pokok² kelapa itu.

Tambahan Perbelanjaan ini akan menambahkan Anggaran Perbelanjaan daripada $13,960,623 kapada $14,160,623.

Kepala 134, Kepala-kechil 37 ia-lah bagi memperbaiki kawasan di-antara Sementa Rantau Panjang Drainage Area di-pantai barat, Selangor, dan di-barat Jalan Kapar, Klang, di-Batu 4½ sa-hingga 6½ yang sentiasa di-lempah ayer pasang dan bah sa-masa musim hujan. Untok membaiki keadaan ini bund mustahak-lah di-bena dan parit ayer juga mustahak di-bena.

Sa-lain dari mengelokkan keadaan lempahan itu, 360 ekar tanah yang tidak dapat di-gunakan telah dapat di-gunakan bagi menanam kelapa dan lain² tanaman. Anggaran untok ini ia-lah $350,000 tetapi $100,000 ada-lah di-kehendaki dalam tahun ini dan telah di-perolehi sa-chara virement. Oleh yang demikian token vote sa-banyak $10 ada-lah di-minta.

Kepala-kechil 82 ia-lah bagi meng-adakan jalan dengan perbelanjaan sa-banyak $3,500,000 ia-itu jalan untok pergi ka-tempat² membuat ampang di-Sungai Muda dan Sungai Pedu. Jalan ini akan di-gunakan oleh konterekter² dan pegawai² daripada Jabatan Parit dan Taliayer untok menjalankan usaha bagi membena ampangan dalam tahun 1966 ini, dan dengan itu dapat-lah di-siapkan ranchangan ini dalam tahun 1969 yang akan dapat memberi ayer kapada kawasan Kedah Utara dan Perlis dalam tahun 1969-1970. Ranchangan ini ia-lah Ranchangan Taliayer yang besar sa-kali dan sa-bahagian besar daripada perbelanjaan-nya ia-lah datang daripada Bank Dunia.

Kepala 136, Kepala-kechil 10, wang sa-banyak $35,010 ada-lah di-kehendaki untok membeli lembu, untok pawah dalam negeri Selangor dan Negri Sembilan. Tambahan ini akan meninggikan Anggaran Perbelanjaan daripada $1,239,761 kapada $1,274,771.

Kepala-kechil 14—wang sa-banyak $23,865 ada-lah di-kehendaki untok memagar tanah bahagian kerbau di-Mukim Lenggong yang mana kerbau² di-dalam-nya telah pun senentiasa ter-lepas dan keluar, dan telah merosakkan tanaman² di-kawasan itu. Tambahan $23,865 ini akan meninggikan anggaran perbelanjaan daripada $10 kapada $23,875.

Oleh itu saya pohonkan ia-itu perbelanjaan di-bawah Kepala 132, 134 dan 136 berjumlah $3,723,885 di-luluskan.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya memberi terima kaseh kapada Kementerian yang ber-kenaan yang telah mengadakan peruntokan tambahan ini bagi per-usahaan menanam sa-mula kelapa dan memperbaiki keadaan-nya. Chuma saya terkejut sadikit tadi, sebab dalam Budget Meeting yang lalu, Yang Berhormat Menteri kita berjanji hendak pergi ka-Kelantan, hendak menengok keadaan di-Bachok, sebab Bachok itu kawasan tanam kelapa yang lebeh banyak daripada kawasan yang di-beri keterangan baharu ini. Tiba² perkara ini telah di-pindahkan pergi ka-negeri Johor. Saya tidak-lah hendak membangkang kerana negeri Johor. Itu bukan kawasan saya. Tetapi dalam penerangan itu nampak-nya bantuan tambahan ini yang di-beri-nya ia-lah untok nanas—bukan untok kelapa. Jadi ranchangan berkenaan dengan kelapa yang sa-betul sa-bagai ranchangan itu tidak timbul juga. Yang timbul-nya ia-lah ranchangan nanas. Kalau-lah peruntokan ini di-tentukan kapada nanas sahaja tidak berbangkit lagi.

Jadi, yang kedua bila-kah Menteri kita ini hendak menunaikan janji-nya berkenaan dengan penanaman sa-mula di-Bachok itu kerana kawasan Bachok

itu, Tuan Pengerusi, memang banyak betul kelapa ini. Dan di-negeri Kelantan terkenal sa-bagai negeri yang banyak kelapa. Di-kalangan negeri Kelantan itu kelapa yang baik sa-kali ia-lah di-Bachok kerana santan-nya pun puteh dan pekat—elok. Jadi ini, Tuan Pengerusi, di-pasar di-Kelantan—kalau lori datang, van datang membawa kelapa, dia tidak tanya berapa harga kelapa itu. Dia tanya kelapa mana? Kelapa Bachok; Turun; Tidak tawar lagi (*Ketawa*). Jadi, kawasan yang mempunyaï kelapa bagini-lah sa-patut-nya di-beri pandangan oleh Menteri kita yang sa-benar tidak-lah dengan kawasan sa-bagaimana yang ada ini. Kalau terlewat pada tahun ini, tahun hadapan jangan-lah lupa.

Berkenaan dengan Projek Sungai Muda, Tuan Pengerusi, saya bersetuju-lah tentang asas hendak meminta tambahan bagi kemajuan hendak meneruskan Projek Sungai Muda ini. Tetapi duit yang di-minta itu, mengikut keterangan daripada Menteri, ia-lah untok membena jalan dengan tujuan supaya untok membolehkan contractor² itu pergi ka-tempat ranchangan itu, untok menunaikan tugas² mereka itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, hasil yang kita tunggu daripada projek ini tidak-lah sa-chepat kita menunggu hasil jatoh-nya chalun Perikatan di-Rahang dalam dua tiga hari ini—lambat hendak dapat itu. Kalau bagitu biasa-nya dapat kita menyerahkan contract itu kapada satu contractor dan terpulang-lah kapada dia mengadakan jalan macham mana hendak approach sampai ka-tempat dia hendak bekerja. Tidak-lah kita menyediakan jalan untok dia hendak pergi bekerja di-situ. Lain-lah kalau betul² hendak membuat jalan yang asing dengan tidak bermaksud hendak bagi kemudahan bagi dia—itu lain ma'ana-lah—itu tidak berbangkit lagi. Jadi ini boleh orang² menyangka bahawa sudah-lah contract itu di-beri kapada satu pehak dan tiap² contract itu ada untong. Kemudian contractor itu rasa payah sadikit dan Menteri kita bagi pula tolong jalan kapada pekerja² di-situ—jadi erti-nya contractor itu sudah boleh untong tiga million lebeh. Saya ta'-lah kata Menteri kita itu di-tumbok rusok—dia ta' tumbok. Dia haji juga—saya belum pergi lagi. Tetapi chara² yang bagini boleh menimbulkan tudohan².

Ada pun berkenaan dengan ada berapa puloh ribu tadi yang menolong satu projek kechil—yang membuat di-Lenggong itu, saya setuju sangat-lah. Sebab kalau sa-kira-nya tidak buat di-Lenggong ta' kena-lah—Menteri kita dudok di-situ. Itu saya sokong penoh-lah. Chuma saya minta-lah jawapan bagaimana dudok-nya penting sangat-nya, kita memberi tiga million sa-tengah—$3,500,000 ini kerana membena jalan dengan maksud hendak meneruskan Projek Sungai Muda itu. Tidak-kah benda itu boleh kita bertanggong-jawabkan kapada contractor. Dan yang kedua janji yang saya katakan itu. Boleh-kah Menteri kita ini, kalau dia tidak dapat memberi jaminan dalam supplementary ini, dia boleh memberi jaminan dalam estimate kita tahun 1966 berkenaan dengan menanam sa-mula kawasan kelapa Bachok.

**Enche' Ahmad bin Arshad:** Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap dalam Head 136—Jabatan Haiwan, Kepala-kechil 14 berkenaan dengan Pemagaran Kawasan Kerbau. Saya juga, bagaimana yang telah saya chakapkan berkenaan dengan orang asli tadi, pada mula-nya saya menyangka bahawa permintaan wang ini akan dapat di-berikan dalam satu ranchangan kawasan rumput ragut di-Telok Rimba di-kawasan saya. Kawasan ini untok penternak kerbau sa-luas 500 ekar dan kerbau yang ada di-sana, pada masa sekarang termasok kerbau² Kerajaan, hampir 500 ekor. Saya telah kemukakan dalam Dewan yang mulia ini kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang lalu supaya dapat memberikan wang untok ranchangan yang saya sebutkan ini dan ini juga telah di-minta oleh Jabatan Haiwan bagi negeri Johor bagi melaksanakan-nya. Bukan semua-nya di-kehendaki supaya di-adakan ranchangan kawasan rumput ragut itu, chuma 200 ekar sahaja tanah untok permulaan, tetapi

malang-nya saya dengar kawasan Lenggong juga yang dapat. Apa yang menyebabkan saya membangkitkan perkara ini, kalau tidak dapat pun dengan peruntokan wang ini, saya harap Yang Berhormat Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini mengambil ingatan yang sa-penoh minat atas rayuan saya ini. Sebab 500 ekor kerbau itu yang selalu mati kena sakit hawa² dan baharu² ini telah kena lebeh kurang 20 ekor. Apa yang menyebabkan-nya? Sebab kerbau tidak ada satu kawasan yang boleh memakan rumput yang baik. Jadi waktu binatang² ini mati, di-kawasan hutan yang saya sebutkan, kerbau² yang lain tidor di-situ maka penyakit ini berjangkit kapada kerbau yang sehat dan hal ini juga, bagi pehak Jabatan Haiwan telah membuat satu ranchangan Parit dan Taliayer yang berhampiran dengan kawasan itu. Kerbau² itu bukan sahaja melanggar Melaka, kawasan Yang Berhormat daripada Melaka Utara, tetapi kerbau² ini melanyak dan memusnahkan Parit dan Taliayer yang di-buat oleh Jabatan ini.

Yang menjadi kesulitan ra'ayat tempat sana, mereka sekarang sedang memileh ada-kah hendak meneruskan ranchangan ternak atau pun sa-mata² hendak mengharapkan tanaman padi. Kedua masaalah ini semua-nya menjadi penggalakan kapada Kerajaan tetapi Kerajaan, saya katakan-lah, memang melengahkan kehendak penternak² kerbau ini. Jadi saya harap pada masa Ranchangan Malaysia Yang Pertama, tolong-lah beri keutamaan kapada penternak² kerbau dalam kawasan saya, kerbau ini, bagaimana saya telah chakapkan, kalau boleh, lupakan-lah Lenggong itu dan masokkan-lah kawasan Muar Utara tempat-nya di-Telok Rimba. Terima kaseh.

**Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kepala 134, ia-itu Anggaran Tambahan ini, saya rasa, Tuan Pengerusi, tidak chukup. Sebab-nya di-untokkan kapada Extension, Sementa Drainage, Selangor, ya'ani di-Selangor sahaja, Tuan Pengerusi, dan tidak-lah kurang penting-nya dan mustahak-nya di-Perak, Ranchangan Parit dan Taliayer.

Tuan Pengerusi, saya suka menyatakan ia-itu di-dalam kawasan Krian Darat dan di-tiga mukim, Ranchangan Menanam Dua Kali sa-Tahun akan di-jalankan pada musim 1966/1967. Saya dapat keterangan daripada pehak Jabatan Parit dan Taliayer di-kawasan Krian, ia-itu memohon wang sa-banyak $60,000 bagi memperbaiki bund mukim Selinsing. Jadi bund ini, kalau sunggoh pun ada dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, tetapi ranchangan menanam dua kali sa-tahun yang tanah-nya ada mengandongi sa-luas dalam Jajahan Krian sa-banyak 50,000 ekar dan hendak di-tanam dua kali sa-tahun atau satu musim sa-luas 18,000 ekar yang telah pun di-tetapkan bagi tahun hadapan. Sa-kira-nya bund yang saya sebutkan tadi yang sa-panjang 12 batu yang di-kehendaki wang sa-banyak $60,000 itu tidak dapat di-laksanakan dengan sa-berapa segera-nya, ranchangan yang hendak di-jalankan pada musim 1966/1967, tidak dapat-lah di-jalankan tanaman dua kali itu dengan sempurna. Oleh itu saya harap kapada pehak Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang berkenaan, dapat-kah memberi penjelasan, bila-kah hendak-nya bund yang saya sebutkan 12 batu, 'am-nya banyak bund dalam kawasan yang hendak di-tanam dua kali sa-tahun ini yang berkehendakkan wang untok di-perbaiki dengan sa-berapa segera. Terima kaseh.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit sahaja di-bawah Kepala 136, Kepala-kechil 10.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang saya telah dengar keterangan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, nampak-nya ranchangan untok membiakkan lembu ini tidak-lah termasok ranchangan atau pun untok Pantai Timor, lebeh² lagi negeri Kelantan. Di-sini, suka-lah saya hendak

menerangkan sadikit sa-banyak di-atas kedudokan kerbau, lembu di-Kelantan. Di-dalam tahun 1964, juga dalam tahun 1965, banyak-lah kerbau, lembu ini yang telah mati oleh kerana penyakit. Jadi pada tahun ini, banyak-lah ra'ayat jelata di-dalam negeri Kelantan meminta pertolongan daripada Jabatan yang berkenaan supaya di-beri lembu² untok di-pawah, tetapi oleh kerana peruntokan itu sangat sadikit maka tidak-lah dapat Pejabat yang tersebut melayankan permohonan² yang tersebut.

Tuan Pengerusi, negeri Kelantan ia-lah satu negeri yang kedua di-dalam Tanah Melayu kita ini yang mengeluarkan hasil padi yang banyak dan binatang² ini-lah menjadi satu alat yang sangat mustahak bagi kaum tani untok menjayakan pekerjaan mereka menanam padi. Kita tahu, kita sekarang ini hidup di-dalam masa mechanisation yang menggunakan jentera di-dalam soalan pertanian, tetapi buat negeri kita perkara ini maseh jauh lagi. Pak² tani kita maseh lagi bergantong kapada kerbau lembu untok menjayakan pekerjaan mereka. Oleh sebab yang demikian saya pintalah kapada Yang Berhormat Menteri supaya di-adakan satu ranchangan yang dapat memuaskan kehendak² kaum tani yang ada di-Pantai Timor, lebeh² lagi di-negeri Kelantan.

**Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian berhubong dengan Kepala 134 ia-itu Kepala-kechil 82—Muda River Project, Kedah. Saya telah mendengar penerangan daripada Menteri yang berkenaan bahawa Ranchangan Sungai Muda ini akan meliputi negeri² Kedah dan juga negeri Perlis. Tetapi apa yang saya kesalkan di-sini, tidak sadikit pun di-masokkan ranchangan itu, walau pun dalam satu Pechahan Kechil, mengatakan yang ranchangan ini sampai ka-Perlis. Jadi saya harap pehak Menteri yang berkenaan supaya menchatitkan sadikit ia-itu satu Pechahan Kechil ia-itu Ranchangan Muda River Project ini di-masokkan bagi negeri Kedah dan Perlis.

Tuan Pengerusi, pada sangkaan saya tadi perbelanjaan sa-banyak tiga million lima ratus ribu ringgit itu, bahawa ranchangan itu telah pun mula di-jalankan. Apa yang saya dapati ranchangan itu hanya sa-mata² untok membuat jalan sahaja. Bagaimana pun saya sukachita mendengar bahawa ranchangan ini akan dapat di-siapkan dalam tahun 1969 kerana ranchangan ini amat-lah di-alu²kan terutama sa-kali bagi negeri Perlis, bagi mengatasi kesulitan² ayer yang berlaku pada tiap² tahun. Pada tahun ini Perlis berasa shukor ka-hadzrat Allah kerana dengan pertolongan hujan, maka padi dapat tumboh dengan subor dan bagitu berjaya dan dapat juga kejayaan menanam padi dua kali sa-tahun. Pada hal pada tahun² yang lalu negeri Perlis sentiasa kekurangan ayer yang menyebabkan padi tidak jadi dan rosak dan ini menyebabkan sentiasa di-kejarkan bantuan *welfare,* ia-itu bantuan Kebajikan Masharakat yang beratus² ribu ringgit pada tiap² tahun.

Saya sukachita mema'alumkan kapada Menteri yang berkenaan bahawa ranchangan Taliayer negeri Perlis boleh di-katakan hampir² gagal, kerana Taliayer² yang ada di-negeri Perlis tiada mendapat puncha² ayer hanya kebanyakan-nya untok membuang ayer sahaja, tidak banyak Taliayer² yang dapat memberi peruntokan ayer (*Supply*) ayer kapada sawah² padi di-negeri Perlis. Hanya apa yang ada di-tempat² yang lembah ada-lah bergantong kapada ayer hujan untok menakong ayer hujan, kalau di-takdirkan turun hujan pada tahun itu. Maka yang demikian saya amat-lah berharap supaya ranchangan Sungai Muda itu dapat di-jayakan lebeh chepat lagi daripada ranchangan ia-itu daripada tahun 1969 itu dapat kalau boleh, saya merayu-lah kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat di-segerakan sa-lewat²-nya dapat di-siapkan dalam tahun 1968. Sekian-lah, terima kaseh.

**Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, saya suka-lah menerangkan atau menjawab masaalah² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada

Bachok, ia-itu kata-nya dia ber-dukachita melihat perbelanjaan yang di-minta itu bukan-lah untok kelapa tetapi untok nanas. Sa-benar-nya, di-dalam ranchangan pemulehan dan Menanam Sa-mula Kelapa yang kita jalankan di-Minyak Beku, Johor, pehak Jabatan Pertanian ada-lah meng-galakkan supaya peserta² di-dalam ranchangan itu menanam nanas di-antara pokok² kelapa yang ada. Dengan menanam nanas di-antara pokok kelapa yang ada itu maka ber-ma'ana-lah peserta² itu akan mendapat hasil tambahan daripada apa yang mereka dapati hasil daripada kelapa itu. Perbelanjaan yang di-minta itu ia-lah untok membuat jalan dalam ranchangan itu lagi membolehkan peserta² mengeluarkan nanas mereka dengan lebeh senang, dan ini ber-ma'ana-lah akan menambahkan harga jualan nanas mereka dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya pehak Kerajaan mem-beri keutamaan kapada kawasan-nya di-Bachok. Dalam masaalah ran-changan pemulehan dan Menanam Sa-mula Kepala ini, pehak Kerajaan akan meneruskan ranchangan ini dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini. Dan permintaan-nya itu insha' Allah akan di-beri timbangan.

Sa-perkara lagi, yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan perbelanjaan $3½ juta ringgit bagi membuat jalan ka-tempat atau pun kawasan ampangan Sungai Muda dan Sungai Pedu. Kata-nya mengapa-kah pehak Kerajaan mengeluarkan wang yang sa-bagitu banyak—$3½ juta manakala perkara ini boleh di-buat oleh *contractor²* yang akan datang. Jadi ada-kah ini ikhtiar atau perbuatan bagi hendak menolong *contractor²* dan sa-bagai-nya.

Saya perchaya, Ahli Yang Berhormat itu tidak pula menudoh yang pehak Kerajaan ada membuat apa² perkara yang tidak baik dengan contractor itu kelak. Yang sa-benar-nya, sa-hingga hari ini tidak ada *contractor* lagi yang di-beri untok menjalankan kerja yang besar berkenaan dengan pembenaan Taliayer Sungai Muda dan Sungai Pedu itu, tetapi kita terpaksa meng-adakan jalan² pergi ka-tempat² yang akan di-bena ampangan di-Sungai Muda dan Sungai Pedu, dengan sebab kalau sa-kira-nya kita tidak membuat jalan² ka-tempat ini berma'ana-lah *contractor²* atau pegawai² daripada Jabatan Parit dan Taliayer tidak dapat pergi ka-tempat itu dengan senang-nya untok menjalankan pepe-reksaan, siasatan dan sa-bagai-nya. Kalau sa-kira-nya kita tidak membuat jalan pada masa ini kita juga bagi masa yang akan datang terpaksa beri juga kapada sa-orang *contractor* bagi membuat jalan itu, jadi chuma yang kita buat hari ini ia-lah kita pechahkan daripada *contract* besar termasok jalan, kita pechahkan buat jalan dahulu. Kemudian lepas itu baharu-lah kita akan beri kapada *contractor* besar bagi membena ampangan di-masa hadapan, kerana jalan ini mustahak, sama ada kita buat sekarang atau buat akan datang kita mesti buat jalan itu, jadi dengan sebab itu-lah kita buat jalan ini dahulu dan pekerjaan ampangan itu akan kita jalankan pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara telah meminta supaya tempat bagan kerbau di-tempat-nya di-beri perhatian. Jadi saya perchaya ini ada-lah sentiasa di-ambil berat oleh pehak Kerajaan dan saya berharap kapada Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara supaya ber-hubong dengan Pegawai Haiwan yang ada di-kawasan-nya dan insha' Allah Pegawai itu akan dapat memereksa dan mengambil tindakan berkenaan dengan-nya.

**Enche' Ahmad bin Arshad:** Ber-hubong dengan masaalah ini, dua minggu yang lalu Ketua Pegawai Haiwan negeri Johor telah menjalan-kan penyiasatan atas ranchangan yang saya chakapkan ini.

**Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Terima kaseh, Tuan Pengerusi, mengikut keterangan daripada Ahli Yang Berhormat dua minggu yang lalu Pegawai itu telah menjalankan penyia-satan dan kalau sa-kira-nya di-fikirkan mustahak barangkali penyata-nya akan

sampai kapada Pegawai yang di-Kuala Lumpur dan harus akan sampai kapada saya di-masa akan datang dan insha' Allah saya akan mengambil tindakan manakala perkara itu sampai ka-tangan saya.

Ahli daripada Krian Darat meminta supaya pehak Kerajaan memberi pandangan berkenaan dengan pembenaan bund di-Krian dengan sebab hendak membolehkan atau menyenangkan tanaman padi dua kali sa-tahun di-kawasan itu. Jadi perkara ini sa-bagaimana ahli itu sedia ma'alum ia-itu pekerjaan membaiki bund dan juga membena bund² sa-kira-nya mustahak, ada-lah di-masokkan ka-dalam anggaran perbelanjaan tiap² tahun dan ada kala-nya di-dalam anggaran Pembangunan Lima Tahun. Jadi jika perkara itu ada-lah sentiasa mendapat timbangan dan sa-kira-nya mustahak, di-minta-lah Ahli Yang Berhormat itu berhubong terus, dapat-lah pehak Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama memikirkan masaalah itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir meminta supaya pehak Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama membuat satu ranchangan berkenaan lembu di-dalam negeri Kelantan khas-nya barangkali kawasan beliau sendiri. Jadi, dalam masaalah ini pehak Kerajaan atau pun Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah pun menjalankan ranchangan berkenaan dengan memberi pawah lembu dan kerbau di-dalam negeri ini. Tetapi dukachita-nya ranchangan ini tidak dapat hendak di-besar²kan di-dalam kawasan Kelantan, bagitu juga ranchangan ini tidak dapat di-jalankan di-dalam kawasan saya sendiri di-Ulu Perak, dengan sebab beberapa perkara telah berlaku ia-itu pembawaan masok sa-chara haram kerbau dan lembu daripada negeri Thailand masok ka-negeri Kelantan, masok ka-negeri Perak, di-dalam kawasan saya sendiri. Jadi dengan sebab itu ranchangan pawah yang di-jalankan oleh Kerajaan pada hari ini tidak dapat hendak di-luaskan kapada kawasan itu, sa-lagi keadaan itu tidak dapat di-baiki ia-itu memasokkan binatang² ini sa-chara haram daripada negeri Thailand. Jadi perkara ini banyak berlaku ia-itu kerbau dan lembu yang masok daripada Thailand, terutama sa-kali lembu, kerbau kurang sadikit, tetapi lembu yang banyak masok daripada Thailand ka-kawasan negeri Kelantan dan kawasan Ulu Perak. Jadi, sa-hingga perkara ini dapat di-selesaikan atau pun dapat di-betulkan oleh Kerajaan maka susah-lah pehak Kerajaan hendak meluaskan ranchangan ini kapada kawasan yang tersebut.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Untok penjelasan, Tuan Pengerusi. Kalau sa-kira-nya banyak kerbau lembu yang di-masokkan sa-chara haram daripada negeri Thailand, tidak-lah timbul hajat pak² tani di-Kelantan sana untok meminta kerbau dan lembu daripada Kerajaan membuat pawah. Tetapi sekarang ini orang² di-sana sangat² berhajat kapada lembu untok memberi—membuat pawah, kerana kekurangan kerbau lembu di-sana.

**Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Jadi dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, barangkali yang berkehendak permintaan itu datang daripada orang yang tidak ada mempunyaï kerbau lembu, tetapi lembu di-masokkan oleh bukan orang yang tidak ada mempunyaï kerbau lembu, tetapi orang yang berniaga kerbau dan lembu. Jadi perkara ini, saya rasa dukachita dengan sebab dalam kawasan saya sendiri pun berlaku, tidak-lah boleh Ahli Yang Berhormat dari Kelantan itu kechil hati kerana perkara yang berlaku di-negeri-nya berlaku juga di-kawasan saya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara meminta supaya nama negeri Perlis atau kawasan Perlis di-sebutkan di-dalam Ranchangan River Muda ini. Jadi, di-sini berasa dukachita-lah dengan sebab saya rasa perkara ini di-bawa-nya singkat-lah pandangan kita. Kalau kita ambil perkara yang berlaku, mithal-nya, Cameron Highland Project yang ada berkenaan dengan electricity. Bukan-lah ma'ana-nya memberi keuntongan dan faedah yang besar kapada Cameron Highland. Electricity di-bawa boleh di-katakan ka-seluroh negeri, bagitu juga-lah Muda

River Project yang ada dengan sebab kita mengambil sempena nama Sungai Muda dan ayer sungai itu akan mengalir ka-Kedah Utara terus ka-Selatan negeri Perlis. Jadi tidak payah-lah saya rasa sebutkan di-sini Muda River Project untok Kedah Selatan dan sabagai-nya dalam semua kertas² atau document² yang ada di-sini. Jadi, di-sini saya memberi akuan-lah kapada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu ranchangan Sungai Muda ini akan memberi perbekalan ayer kapada kawasan Kedah Selatan dan Utara negeri Perlis. Jadi, itu-lah perkara² yang di-bangkitkan dan dengan itu saya berharap peruntokan ini di-luluskan.

Question put, and agreed to.

The sum of $200,000 for Head 132, the sum of $3,500,010 for Head 134 and the sum of $23,875 for Head 136 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Heads 137, 138, 139, 171, 195 and 208—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Heads 137, 138, 139, 171, 195 and 208 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965 be approved.

**The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan):** Mr Chairman, Sir, with your permission, I beg to move that the supplementary expenditure shown under Heads 137, 138, 139, 171, 195 and 208 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965, totalling $4,277,030 under Direct and $20 under Loan be approved.

Taking Head 137—Roads and Bridges (Malaya)—first, the Supplementary provision required is for the purpose of land acquisition for schemes contracted on Federal Roads. A token provision of $10 only is required. Under Sub-head 9 (i), Grants to States, a supplementary provision of $2,502,000 is required for State roads and rural projects.

Head 138—Water Supplies (Malaya) —relates to the schemes in Negri Sembilan and Malacca and token loan sums of $10 each are again mentioned under these particular sub-heads.

We now come to Head 139—Government Buildings (other than Housing) (Malaya). Here again token provisions of $10 are mentioned against both these items of Government Offices, Malacca, and Office Buildings, Ministry of External Affairs.

I go next to the question of Posts and Telegraphs (Sabah), Head 171, where a subscribers' network requires a further sum of $240,000.

With regard to the Government Buildings under Head 195, a sum of $75,000 is needed for further building improvements.

Under Head 208—Telecommunications (Singapore), Sub-head 10, Acquisition of the Assets of Cable and Wireless Ltd—a sum of $1,460,000 is required. This relates to the balance on the purchase of some of the assets of Cable and Wireless Ltd.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, di-bawah Head 137 ia-itu berkenaan dengan membuat jalan², sama ada jalan yang tidak siap atau pun jalan yang baharu atau pun jalan negeri yang di-luar bandar sabagaimana dalam Sub-Head 9, saya sa-kali lagi meminta supaya Menteri ini melaksanakan jalan² yang terbengkalai di-Bachok yang Menteri kita berjanji dalam Budget meeting yang lalu.

Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya jalan itu bukan-lah sa-mata² menguntongkan Bachok tetapi dia kebetulan masok ka-dalam Bachok dia menghubongkan Kelantan dengan Bachok ia-itu daripada jalan yang sa-jauh 23 batu lebeh kurang, boleh jadi 12 batu sahaja. Jalan itu sudah di-buat sekarang ini, tetapi terbiar, kalau-lah termasok di-dalam benda yang di-minta ini—sudah termasok di-dalam itu— erti-nya saya tidak payah berchakap lagi. Tetapi saya tidak tahu sama ada masok atau pun tidak. Jadi sa-kira-nya jalan itu dapat di-selesaikan dengan mengadakan satu jambatan menghubongkan jalan *Perupok* pergi ka-Wakaf Tuan, saya rasa benda ini akan merupakan satu faedah yang banyak

bagi ra'ayat di-situ. Dan di-situ Tuan Pengerusi, saya berpuas hati apabila ra'ayat di-sana mendapat jalan itu dengan tidak saya hendak menghiraukan walau Kerajaan Perikatan buat sa-kali pun, kerana Kerajaan Perikatan pun kutip juga chukai daripada negeri Kelantan itu, orang Bachok pun kena bayar chukai.

Tuan Pengerusi, lagi satu berkenaan dengan menambah lagi membena Government Buildings, di-bawah Head 139 ia-itu Pejabat² Kerajaan di-Melaka dan lain² bangunan. Boleh jadi tidak termasok dalam ini, tetapi oleh kerana kita minta ini token $10 saya suka-lah hendak membangkitkan, kalau tidak betul di-sini pun sa-bagai satu peringatan boleh di-betulkan, ia-itu bangunan Mahkamah Tinggi di-Kelantan yang di-Kota Bharu itu, kalau termasok di-dalam ini, kalau-lah termasok, kalau tak termasok pun tak apa-lah, ia-itu bangunan itu satu sahaja bangunan Kerajaan yang terdiri daripada timber, daripada papan, pada hal Mahkamah² yang lain dalam Malaysia ini kesemua-nya di-buat daripada batu. Ta' patut sangat-lah kalau sa-kira-nya bangunan ini termasok di-dalam permintaan ini, kita hendak membiarkan. Sa-lain daripada bangunan itu sudah tua dan burok, orang² salah yang kita hendak bawa bichara itu pun dia ta' puas hati sebab rumah itu burok. Kalau rumah itu elok dia kena hukum pun puas hati. Jadi sudah-lah dia kena hukum rumah pun burok. Jadi, ini-lah satu perhatian yang saya rasa rumah ini akan di-buat juga di-dalam peruntokan ini.

Lagi satu Tuan Pengerusi, berkenaan dengan membekali ayer. Masaalah ayer ini berlaku juga di-tempat saya di-Bachok, tetapi di-sini ta' termasok, dalam ini ta' dapat saya hendak berchakap kerana area itu, kawasan itu Tuan Pengerusi, patut-lah Menteri kita ini ambil tahu, di-pandang sa-bagai satu kawasan yang ada taun. Jadi mengikut Pegawai Perubatan Negeri Kelantan, taun ini boleh di-chegah kalau sa-kira-nya pembekalan ayer itu elok di-kawasan itu. Jadi salah satu daripada hendak menjaga keselamatan bagi pendudok² di-situ ia-lah dengan memasokkan sadikit sa-banyak peruntokan ini untok kawasan Bachok. Jadi apabila kesihatan itu sudah ada kapada ra'ayat, dapat-lah kita mengatakan bahawa negeri kita ini aman, ma'amor dan dapat faedah daripada ra'ayat. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit sahaja ia-itu Kepala 137—Jalan dan Jambatan.

Yang hendak saya sentoh di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah Kepala-kechil 9—Jalan Negeri dan Jalan di-Luar Bandar, bantuan kapada Negeri². Menteri Yang Berhormat itu sudah tahu apa yang saya hendak chakap, sebab dia sudah tahu-lah. Tetapi walau macham mana pun saya kalau di-beri terang betul² tadi $2,502,000 ini, negeri mana dia bagi pun saya ta' chakap. Tetapi walau macham mana pun sebab saya sudah berdiri saya sambong terus-lah, Tuan Pengerusi. Saya chuma hendak bagi tahu Menteri Yang Berhormat ini jalan di-Pahang terutama dalam kawasan saya, selalu buat sa-kerat² (*Ketawa*). Saya kadang² buat sa-kerat² ini ta' berapa sedap. Bila buat sa-kerat, alatan-nya di-pindahkan ka-tempat lain, tinggal sa-kerat. Jadi saya minta-lah Yang Berhormat Menteri perkara sa-kerat² ini ta' usah-lah kita buat lagi. Umpama-nya sekarang ini, jalan ka-Pagar Sasak nama-nya, daripada Padang Tungku, Jalan Chenderas—tengah² buat, jentera di-pindahkan ka-tempat lain. Tanya Pegawai Jurutera Daerah, ini hukuman daripada Pegawai Jurutera Negeri. Tanya negeri, saya dapat arahan daripada pehak lebeh atas, tetapi dia ta' berani hendak mengata arahan daripada Menteri Yang Berhormat, takut saya tanya pula ka-Kuala Lumpur. Jadi saya minta-lah sa-kurang²-nya sambong terus, kalau ta' banyak jentera pun, hendak ambli satu dua pun ta' apa-lah. Ini satu perkara berlaku.

Yang kedua-nya saya hendak sentoh sadikit fasal bekalan ayer. Dalam sini ta' ada sebut bekalan ayer di-kawasan saya. Jadi kelulusan-nya fasal minta

lulus, saya sokong. Ini pun buat sa-kerat² juga, sa-batu sa-kali di-buat-nya, kita ada dua batu. Benda ini ada dua batu lagi dia buat sa-batu. Jadi jalan di-buat sa-kerat, bekalan ayer pun kesiapan-nya di-buat sa-kerat, sa-kali² di-beri konterek pada orang ini, menunggu 3 bulan baharu keluar tender.

Tuan Pengerusi faham negeri saya ini, sa-lain daripada banyak jalan kechil, dia banyak bengkok². Jadi ini-lah saya minta, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana saya berchakap mula² tadi, peruntokan $2,502,000 ini sudah memang di-belanjakan. Saya pun ta' ada apa² object, ta' ada apa², saya sokong duit ini di-luluskan, tetapi chuma saya hendak minta timbangan supaya jalan daripada Bentong ka-Raub tolong luruskan chukup-lah, luruskan sadikit, corner itu potong sadikit, jalan besar ta' apa, jalan kechil ta' apa, chuma tolong corner itu tolong luruskan, sebab selalu bila Menteri Pengangkutan sampai ka-negeri saya, driver teksi, driver lori dan sa-bagai-nya, selalu mengadu—jalan bengkok². Jikalau dapat di-potong sadikit ini chepat sadikit hendak ka-Kuala Lumpur ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya minta perhatian daripada pehak Yang Berhormat Menteri, jalan daripada Jerantut ka-Kuantan melaluï ferry yang saya tanya dengan Menteri Yang Berhormat pagi tadi, jalan ini terbiar semenjak jalan baharu ada ka-Temerloh, jalan baharu Maran ka-Kuantan, jalan lama ini memang terbiar sadikit sedangkan di-situ-lah kita akan chadangkan dan kita usaha-kan sa-bahagian daripada Jengka Triangle. Jadi saya, Tuan Pengerusi, boleh saya cheritakan sadikit kesu-sahan di-ferry ini. Bila ayer besar, ferry ini bochor. Perhubongan daripada tebing seberang sana ka-tebing sini, melaluï ferry. Sudah-lah ferry ta' dapat di-gunakan kadang² ada masa istimewa —Pegawai² Perubatan hendak bawa orang ka-seberang sana ka-seberang sini daripada seberang ferry ka-bandar Jerantut, minta pertolongan perubatan, kadang² ferry ini menjadi satu masaalah. Jadi saya minta-lah per-hatian, tahun ini ta' apa-lah, tahun depan saya fikir, tolong baiki sadikit sebab kalau tempat lain chantek pun bagus, lurus jalan-nya sa-bahagian daripada jalan raya dalam negeri kita ini ada yang ta' bagus, ta' baik, sama juga-lah satu anggota kita yang chachat, sedang yang lain baik. Saya ta' ada hendak mendesak ber-ia² sangat, sebab saya tahu Menteri Yang Berhormat ini selalu ka-tempat saya. Jadi dia boleh menimbangkan sendiri-lah. Tetapi macham mana pun, saya hendak sampaikan ini, masaalah ini masaalah besar pada saya sana. Buat sa-kerat² satu, ubah² jentera satu, kemudian pembahagian itu pun untok tempat² itu pun kadang² ada lebeh kurang. Jadi tiba-lah saya minta. Terima kaseh.

**Enche' Ahmad bin Arshad:** Saya hendak tanya dalam Kepala 137 ia-itu jalan raya dan jambatan. Yang saya hendak sentoh ini ia-lah dalam Kepala-Kechil 9 ia-itu jalan negeri dan luar bandar dan pemberian kapada negeri. Tuan Pengerusi, menurut puncha yang boleh di-perchayaï dan benar, di-beri tahu kapada saya berhubong dengan jalan raya bagi negeri Johor ia-itu bagi pehak Kementerian yang ber-kenaan telah mengizinkan Kerajaan Negeri Johor supaya membena jalan raya dalam negeri itu. Sa-telah siap jalan itu wang-nya akan di-bayar. Maka Kerajaan Negeri Johor bagi hendak mengejarkan Pembangunan Luar Bandar supaya dapat saing dengan negeri² yang lain, telah melak-sanakan beberapa banyak jalan raya di-luar² bandar dalam negeri yang ter-sebut, akhir-nya memakan belanja sa-banyak 10 million ringgit.

Berhubong dengan perkara ini kalau salah saya sebutkan, pehak Kemen-terian saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya merojokkan perkara ini, berhubong antara Kerajaan Negeri dengan Kera-jaan Pusat. Apa perkara yang saya hendak bangkitkan dalam masaalah ini bila mana Kerajaan Negeri Johor telah membuatkan jalan raya dengan perbelanjaan yang, saya katakan, lapan million ringgit itu. Tetapi

Kerajaan Pusat hanya dapat memberikan peruntokan wang itu kembali kapada Kerajaan Negeri sa-banyak 5½ million ringgit. Jadi berbaki 2½ million ringgit itu tergantong²-lah Kerajaan Johor. Tadi, Yang Berhormat daripada Kuala Lipis telah mengatakan jalan sa-kerat² tetapi di-tempat saya ini di-berhentikan² pula.

Jadi di-antara jalan yang tidak dapat pembayaran balek daripada Kerajaan Pusat termasok-lah jalan dalam kawasan saya ia-itu daripada Durian Chondong hingga ka-Jementah. Jalan Durian Chondong ka-Jementah ini melaluï Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Bukit Serampang Utara yang sangat perlu di-gunakan oleh peserta² dalam ranchangan itu. Tetapi malang-nya, menurut apa yang saya tahu, bahawa permintaan itu pada sa-takat ini bukan tidak hendak di-beri di-brake sahaja-lah. Barangkali kalau ada runding yang baik, kalau ada persetujuan yang baik, perimbohan membuat jalan itu dapat di-bayar kembali. Jadi dengan tergantong-nya wang yang saya sebutkan ini maka bagi pehak Kerajaan Negeri tidak dapat-lah melaksanakan ranchangan jalan² ini bagi kesempurnaan-nya, menurut Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua. Itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, yang dapat saya bangkitkan. Terima kaseh.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap, Kepala 137 berkenaan dengan jalan dan jambatan juga. Yang pertama di-dalam permohonan atau pun pandangan yang saya beri tiga tahun yang lalu, sa-buah jambatan sama ada jambatan tetap atau pun jambatan pelampong, patut di-buat di-Sungai Kuala Linggi untok menyambongkan Melaka dengan Negri Sembilan. Jalan raya sampai ka-Tubeh, jambatan ini sudah ada di-antara dua belah pehak, sama ada di-Negri Sembilan juga di-Melaka. Tetapi apa yang saya tengok sa-hingga sekarang tidak ada langsong, walau pun telah di-jawab pada masa dahulu akan di-timbangkan, tetapi tidak ada apa langsong di-tunjok yang mengatakan ada ranchangan hendak membuat ini. Dan saya pun dukachita juga sa-kiranya jalan yang mengarah ka-tebing sungai ini telah di-buat dua tahun lebeh dahulu, tidak ada langsong di-gunakan oleh kereta, oleh motokar atau pun kenaikan dan nanti longkah dengan sendiri-nya sahaja. Wal-hasil pendudok di-kawasan Kuala Linggi, di-Sungai Baharu dan di-barat daripada Masjid Tanah kalau hendak pergi ka-Negri Sembilan terpaksa berbelit, berpusing jauh ka-Lubok China dan balek ka-Port Dickson, saya rasa, tiga kali ganda daripada yang sa-benar. Jadi perkara ini tentu-lah boleh di-fikirkan pada masa yang akan datang untok memudahkan atau hendak menaikkan taraf bagi pehak ra'ayat di-kampong.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, jalan raya daripada Melaka ka-Bukit Trendak, saya rasa, ini ada-lah tanggongan Kerajaan Pusat, telah di-serahkan kapada Kerajaan Pusat, kerana tentera telah menggunakan jalan itu dengan banyak, tetapi apa yang saya nampak, kalau hendak di-buat jalan raya ini sa-bagai Kuala Lumpur, Jalan ka-Klang harus-lah, saya rasa, tidak-lah bagitu. Tetapi, oleh sebab nampak-nya jalan raya yang paling sebok sa-kali di-Melaka, kalau hendak di-kira, ia-lah daripada Melaka ka-Bukit Trendak. Jadi jalan raya baharu telah di-buat di-Tanjong Keling—Jalan Pantai. Saya rasa kalau dapat di-siasat ada-kah munasabah jalan ini di-buat jalan sa-hala ia-itu kalau, mithal-nya hendak turun ka-Melaka, sama ada military atau lain², jalankan jalan yang lama dan kemudian apabila balek daripada Melaka sampai ka-Tanjong Kling dia akan memechah situ supaya tidak-lah terlampau sebok.

Kesebokan jalan yang di-gunakan oleh military ini barangkali, Tuan Pengerusi pun sedia ma'alum, terutama sa-kali dalam jalan² yang sempit. Kami pendudok² di-kawasan saya, kampong Ayer Limau, baharu sahaja terjadi satu kemalangan yang maha ngeri kerana jalan kechil yang sa-patut-nya tidak boleh di-laluï oleh kenderaan² yang besar tetapi telah di-gunakan.

Barangkali ini tidak-lah molek hendak saya mengatakan kesalahan atau apa² tetapi menengokkan keadaan jalan kalau tidak di-untokkan di-peringkat kenderaan² yang patut jalan di-situ, yang besar mana, yang berat mana, saya rasa tentu-lah bagi pehak kemalangan boleh berlaku lagi pada masa yang akan datang. Saya rasa perkara ini patut-lah bagi pehak Kementerian akan menimbangkan supaya dapat-lah menampong segala benda yang tidak elok akan berlaku kapada tempat²-nya saya nyatakan tadi, Terima kaseh.

**Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Pengerusi, Kepala 138, berhubong dengan pembekalan ayer. Saya tentu-lah menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian yang berkenaan, kerana kawasan Merlimau dan Sungai Rambai, ia-itu kampong saya sendiri, akan dapat ayer, tetapi perkara ini sa-tahun telah lalu. Sa-tahu saya telah tiga tempat ia-itu di-Lanchang, di-Merlimau Estate dan akhir-nya pada masa ini hendak di-buat satu kolam hendak mendapat ayer di-Chinchin. Jadi, apa yang saya maksudkan, jangan-lah pula wang yang telah di-belanjakan bagitu banyak dan sudah pula di-minta tambahan wang lagi, beraleh di-lain tempat pada masa hadapan, angan² pendudok kawasan saya, terutama di-Merlimau, di-Sebatu dan di-Sungai Rambai yang berharap hendak mendapat ayer paip saperti orang bandar. Jadi, ini-lah rayuan saya dan saya berharap sangat kerana, Tuan Pengerusi ma'alum, kami ini dudok di-kawasan pantai atau tepi laut, ayer di-sana kalau kering, kita kena minum ayer saperti ayer susu. Ini-lah permintaan saya supaya jangan-lah di-aleh²kan tempat itu dan teruskan supaya kita dapat bagi pehak ra'ayat dalam kawasan ini betul² dapat ayer paip.

**Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub):** Tuan Pengerusi, kawasan saya ia-lah kawasan Raub dan Cameron Highlands. Jadi saya hendak sebut hal kawasan Raub dahulu. Di-kawasan Raub ini, saya hendak memberi pujian kapada Kementerian ini dan juga kapada sa-orang engineer dalam Jabatan Kerja Raya, Raub yang telah menjalankan kerja² ranchangan dengan pesat-nya dalam development negeri ini. Saya chuma satu sahaja berharap ia-itu jalan daripada Raub terus ka-Kuala Medang, maka saya tidak akan melawat Kuala Medang ini hingga jalan itu terus sampai ka-Kuala Medang. Maka dengan ini saya harap Menteri tolong-lah saya sadikit, sebab saya sudah buat janji dengan ra'ayat di-situ. Maka saya tanya jurutera yang ada di-Raub itu, dia dengan sa-dayaupaya akan meneruskan jalan itu pada tahun ini, kalau tidak dengan jalan besar sa-kali pun, jalan untok jeep pun boleh-lah, tetapi saya tidak puas hati kalau sa-kira-nya dengan jalan untok jeep sahaja; sa-bahagian daripada jalan itu telah di-buat jalan besar saya harap Menteri Kerja Raya, akan memberi sadikit lagi wang untok di-buat jalan dengan sa-benar² jalan, kerana masa kita pun ada sa-bulan lagi sa-belum akhir tahun. Maka ini-lah saya ulang sa-kali lagi, saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil berat, sebab saya telah berjanji kapada ra'ayat di-Kuala Medang yang tidak pernah menengok motokar sampai ka-tempat mereka, saya harap dapat-lah mereka menengok motokar pada tahun hadapan.

Di-dalam kawasan saya di-Cameron Highlands pula di-antara Kampong Berinchang dengan Kampong Raja. Jalan itu sudah-lah kechil, bengkok pula, kalau alang² tidak pandai bawa kereta, harus boleh masok dalam lurah. Jadi, saya harap Kementerian ini mengambil berat sadikit berkenaan dengan jalan ini, sebab-nya Cameron Highlands ini kita tahu pada masa sekarang makin lama makin besar, orang pun makin banyak, pelanchong pun selalu datang ka-situ dan juga pembesar negeri ini suka pergi makan angin ka-tempat itu. Saya harap Menteri jangan lupa berkenaan dengan kemudahan² jalan raya di-Cameron Highlands itu.

Satu lagi kalau dapat di-buat dengan serta-merta, satu jalan di-kampong

ia-itu di-bawah daripada Empang Sultan Abu Bakar bernama Kampong Lembah Bertam. Daripada Kampong Lembah Bertam itu ada jalan lebeh kurang 4 batu masok ka-tempat mereka itu bertanam sayor, tetapi dukachita sadikit sayor² dalam tempat itu tidak boleh di-bawa keluar dengan lori yang besar. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian sadikit terhadap hal kesusahan penanam² sayor di-Bertam Valley itu. Sekian-lah sahaja. Terima kaseh.

**Dato' V. T. Sambanthan:** Mr Chairman, Sir, I will certainly bear in mind the requests of the Hon'ble Members for Malacca Utara and Selatan. With regard to the places where the water supplied team will be going, these will be the areas along Chohong, Simpang, Kerayong, Jasin, Selanda Road and along the Simpang/Kerayong Lachan Road. For further details, I would like to meet him and I can give him the full particulars of these two projects.

With regard to the observation made by the Member for Muar, I would like to say that Johore has built some roads without our approval, and we have agreed to repay only those which have been built with our approval. It cannot be expected that anyone can build roads without any understanding and expect the Federal Government to pay for everything.

As for the Member for Kuala Lipis, I would like to say that we are sympathetic to the Jengka Triangle Complex and that when the time comes and there is a build up of traffic we will certainly review this situation.

As for the suggestion from the Member for Raub, I would like to assure him that I would try my best to help him and here again if he can meet me over the next week, I would certainly try and discuss to see what we can do.

Questions put and agreed to.

The sums of $2,502,010 for Head 137, $20 for Head 138, $20 for Head 139, $240,000 for Head 171, $75,000 for Head 195, $1,460,000 for Head 208 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965.

**Heads 146, 147, 177, 198 and 199—**

**Mr Chairman:** I propose that the expenditure shown under Heads 146, 147, 177, 198 and 199 of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965 be approved.

**The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir):** Saya mohon kebenaran, Tuan Pengerusi, supaya menerangkan semua sa-kali Perbelanjaan² Tambahan dalam Kementerian Pengangkutan di-bawah Kepala² dan Pechahan² Kepala yang tersebut di-bawah ini:

Kepala 146,
Kepala 147,
Kepala 177,
Kepala 198 dan
Kepala 199

yang semua sa-kali berjumlah $3,039,391, di-luluskan.

Kepala 146—Pelabohan Malaya. Pechahan Kepala 11, yang (baharu) Pembelian Tanah dan Benaan Jalan bagi Keperluan Dermaga Laut yang Dalam di-Butterworth. Pembenaan dermaga laut yang dalam di-Butterworth memerlukan pembenaan² jalan baharu sa-jauh 3 batu berhubong dengan kawasan pelabohan dan bangunan jetty dengan jambatan baharu yang menyeberangi Sungai Prai. Dengan ada-nya jalan² baharu ini kereta² yang sa-makin bertambah tiap² hari akan tidak payah lagi melalui bandar Butterworth dan ini juga akan merengkaskan perjalanan daripada Selatan ka-Butterworth. Perbelanjaan yang di-kehendaki ia-lah lebeh kurang $6,150,000 kerana pembenaan jalan $1,750,000 dan jumlah-nya $7,900,000 tetapi yang di-minta hanya-lah $2 juta ada-lah di-kehendaki serta-merta bagi bayaran membeli tanah² dan wang ini telah di-dahulukan daripada wang lanjutan perbelanjaan mengejut.

Kepala 147—Penerbangan Awam, Pechahan Kepala 23, Rumah² Pegawai Kerajaan dan Kelengkapan tambahan, $2,291. Anggaran asal projek ini ia-lah $130,000. Projek ini telah siap hujong tahun 1963 dan perbelanjaan-nya

sa-telah di-kaji sa-mula di-turunkan kapada $120,565 ia-itu bayaran projek tidak termasok wang chagaran kerja. Wang chagaran kerja tidak di-bayar oleh Pejabat Kerja Raya Trengganu sa-hingga tahun 1964 kemudian tuntutan menggantikan balek wang ini di-buat kapada Ibu Pejabat Kerja Raya tetapi tidak dapat di-bayar dengan tidak ada peruntokan dalam tahun 1964. Sekarang Jawatan-kuasa Pembangunan bersetuju meminda anggaran bagi projek ini daripada $120,565 kapada $122,886 supaya termasok bayaran wang chagaran kerja $2,291,000 yang tertinggal apabila harga projek itu di-kirakan. Wang ini telah di-bayarkan dahulu daripada perbelanjaan mengejut.

Bagitu juga Kepala 177—Penerbangan Awam Sabah, Pechahan Kepala 13, (baharu) Pembesaran Lapangan Terbang Lahad Datu $400,000. Pekerjaan membesarkan lapangan Lahad Datu di-ranchangkan pada tahun 1966 tetapi dengan sebab2 yang tersebut di-bawah ini pekerjaan itu terpaksa di-jalankan dalam tahun 1965.

Dalam bulan Oktober, 1964, Sharikat Penerbangan Malaysia memberitahu Kementerian ini berkenaan dengan ranchangan mereka hendak menjalankan Perkhidmatan Udara Negeri Borneo bagi tahun 1965, 1966 dan 1967. Ranchangan ini termasoklah mengadakan Kapal Terbang jenis Faulker Friendship menjalankan perkhidmatan di-Tawau dan Lahad Datu pada awal tahun 1966.

Sharikat itu memberi penerangan bahawa perkhidmatan ka-Tawau chuma-nya dapat di-jalankan, sakira-nya kapal terbang itu dapat membuat perkhidmatan ka-Lahad Datu bersama2. Untok mengadakan perkhidmatan ka-Lahad Datu, maka lapangan terbang Lahad Datu itu hendak-lah di-perbesarkan supaya dapat kapal terbang jenis Faulker Friendship mendarat di-situ. Oleh kerana keperluan tentera memperbesarkan lapangan Tawau kena di-mulakan pada tahun 1964 bukan dalam tahun 1965 saperti yang di-ranchangkan pada bulan February tahun 1965, dan projek itu telah pun di-sempurnakan pada bulan February tahun 1965, oleh kerana itu Pejabat Kerja Raya dapat menjalankan pekerjaan membesarkan lapangan terbang Lahad Datu dalam tahun 1965 supaya kedua2 lapangan terbang itu dapat di-siapkan untok digunakan kapal terbang jenis Faulker Friendship dalam awal bulan empat tahun 1966 nanti.

Kepala 198—Pelabohan (Sarawak), Pechahan Kepala 12 . . . .

**Mr Chairman:** Time is up.

House resumes.

**Mr Chairman:** Hon'ble Members, I have to report that the Committee on Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965 has progressed up to Head 208.

The meeting is adjourned till 10.00 a.m. tomorrow.

*Adjourned at 8.05 p.m.*

372-620-6.8.66-JCK.J.